



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
11 MAC 2019 (ISNIN)			
1.	<u>Caj pencemaran 20 sen di Wilayah Persekutuan mulai 15 Mac</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Caj plastik 20 sen mulai 15 Mac</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 1
3.	<u>Caj pencemaran mulai 15 Mac</u>	Kosmo!	Rujuk Lampiran 2
4.	<u>Wilayah Persekutuan kuat kuasa mulai 15 Mac</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 3
5.	<u>Mulai caj pencemaran 15 Mac ini</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 4
6.	<u>Lynas perlu henti cari alasan, fikir kaedah hantar buangan</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 5
7.	<u>Pencemaran kimia: Petunjuk baharu ditemukan</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 6
8.	<u>JAS Johor kenal pasti suspek</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 7
9.	<u>Burning Awareness</u>	The Star	Rujuk Lampiran 8
10.	<u>Kerja bersih 2 sekolah lincer</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 9
11.	<u>'Heatwave to end late this month'</u>	News Strait Times	Rujuk Lampiran 10
12.	<u>Bedah siasat tengkorak, gigi, rambut 2 jam</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 11



13.	<u>Nature Profusion lebih agresif teroka segmen industry</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 12
14.	<u>Tarikan Blue Hole Lahad Datu</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
15.	<u>Pencemaran Sg Chohong: Pejabat daerah tunggu hasil kajian</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
10 MAC 2019 (AHAD)			
16.	<u>Sucky situation with straws</u>	Sunday Star	Rujuk Lampiran 13
17.	<u>Lynas told to send WLP waste to Australia, stop giving excuses</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
18.	<u>Lynas should not delay sending waste back to Australia, says Fuziah</u>	The Malaysian Insight	Klik pada tajuk berita
19.	<u>20 sen pollution charge in FTs effective March 15</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
20.	<u>20 sen bag charge in Federal Territories from March 15</u>	The Malaysian Insight	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Berhenti cari alasan - Fuziah</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
22.	<u>Lynas diminta henti cari alasan hantar balik sisa WLP ke Australia</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
23.	<u>JAS dapat petunjuk baharu, dalang buang sisa kimia hampir dikenal pasti</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
24.	<u>Dalang buang sisa kimia berbahaya hampir dikenal pasti - JAS</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
25.	<u>Tompokan hitam sisa kimia masih banyak</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita



26.	<u>Sektor perkapalan, kilang kimia terlibat – JAS</u>	Mingguan malaysia	Rujuk Lampiran 14
27.	<u>Buang sisa kimia: Polis buka kertas siasatan</u>	Mingguan malaysia	Rujuk Lampiran 15
28.	<u>Dua sekolah terjejas bahan kimia ditutup hari ini</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 16
29.	<u>Kerjasama kesan dalang buang sisa metana</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 17
31.	<u>Proses bersih sungai dalam masa terdekat</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 18
31.	<u>DOE suspects factory waste behind toxic fumes at river</u>	Sunday Star	Rujuk Lampiran 19
32.	<u>Bean sprouts dumped in river</u>	News Straits Times Sunday	Rujuk Lampiran 20
33.	<u>Pastikan sekolah selamat sebelum beroperasi</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
34.	<u>Puntung rokok dibuang sembarangan antara punca kebakaran hutan</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
35.	<u>Tengkorak, gumpalan rambut dan gigi dipercayai Nur Aishah dibedah siasat</u>	Astro Awani	Klik pada tajuk berita
36.	<u>Sabah should look at renewable energy</u>	Daily Express	Klik pada tajuk berita
37.	<u>Ribut petir di Putrajaya dijangka berterusan beberapa hari</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
38.	<u>Extreme hot weather expected up north</u>	News Strait Times Sunday	Rujuk Lampiran 21



9 MAC 2019 (SABTU)			
39.	<u>Yeo: Corporate and public sectors need to help Malaysians reach full potential</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
40.	<u>Authorities set on finding Sungai Kim Kim polluter, says deputy minister</u>	Malaymail	Klik pada tajuk berita
41.	<u>Ministry says no plans to amend Environment Quality Act</u>	Malaymail	Klik pada tajuk berita
42.	<u>No plans to amend Environment Quality Act, says deputy minister</u>	The Malaysian Insight	Klik pada tajuk berita
43.	<u>Tiada pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
44.	<u>3 kaedah kesan punca pencemaran Sungai Kim Kim</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
45.	<u>Periksa CCTV kesan pihak yang buang sisa kimia</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
46.	<u>Guna akta sedia ada hukum pihak cemar alam sekitar</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
47.	<u>Pencemaran gas metana: JAS teliti rakaman CCTV</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
48.	<u>Kami sudah lali / Minyak cuci kapal punca pencemaran – JAS</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 22
49.	<u>'It smelled like petrol, burn tyre'</u>	News Strait Times	Rujuk Lampiran 23
50.	<u>6 mangsa dirawat secara intubasi elektif</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 24



51.	<u>Sisa minyak cuci kapal</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 25
52.	<u>Semua 39 mangsa stabil</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 26
53.	<u>Hidu busuk tengah malam</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 27
54.	<u>Clinical waste find at landfill</u>	News Straits Times	Rujuk Lampiran 28
55.	<u>Aktiviti penternakan, pelupusan sampah punca Sungai Chohong tercemar</u>	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
56.	<u>Bacaan indeks IPU dua daerah di Sabah sederhana</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
57.	<u>Farmers, fishermen in Melaka stretched dry</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 29



TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
11 MAC 2019 (ISNIN)			
58.	<u>SMK Chung Hua Miri to host inaugural international robotic football tourney</u>	The Borneo Post	Klik pada tajuk berita
59.	<u>TNBX dan JKR laksana inisiatif pengurusan tenaga</u>	Kosmo!	Rujuk Lampiran 30
60.	<u>TNB, PWD ink solar power collaboration</u>	News Straits Times	Rujuk Lampiran 31
61.	<u>TNB, PWD ink renewable energy collaboration</u>	The Sun	Rujuk Lampiran 32
62.	<u>TNB, JKR buat kajian pasang bumbung solar</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 33
63.	<u>Penduduk Putrajaya Nampak putting beliung</u>	Kosmo!	Rujuk Lampiran 34
64.	<u>Raw palm oil spillage hits water village</u>	News Straits Times	Rujuk Lampiran 35
65.	<u>Tompokan masih penuhi sungai</u>	Berita Harian	Rujuk Lampiran 36
66.	<u>'Masih membimbangkan'</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 37
67.	<u>Mana SOP bauksit</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 38
68.	<u>'Mana SOP tambah baik aktiviti bauksit?'</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 39
69.	<u>Groups want measures taken against single-use plastic usage</u>	The Star	Rujuk Lampiran 40



70.	<u>One killed in lightning strike</u>	The Star	Rujuk Lampiran 41
71.	<u>'Technology subject may be introduced in schools'</u>	News Strait Times	Rujuk Lampiran 42
10 MAC 2019 (AHAD)			
72.	<u>UNIMAP sedia bekerjasama bangunkan kereta terbang</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
73.	<u>TNB, JKR laksana kajian daya maju bumbung solar</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
74.	<u>TNB, PWD ink renewable energy collaboration</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
9 MAC 2019 (SABTU)			
75.	<u>Kementerian guna teknologi AI, Wolbachia basmi pembiakan Aedes - Dr Dzulkefly</u>	Atro Awani	Klik pada tajuk berita
76.	<u>Putrajaya dilanda ribut</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
77.	<u>Strong grounds for using Bahasa Malaysia in STEM</u>	The Star	Rujuk Lampiran 43
78.	<u>5 rivers in Kelantan 'badly polluted'</u>	News Straits Times	Rujuk Lampiran 44
79.	<u>Petronas sets RM50 Billion CAPEX</u>	News Straits Times	Rujuk Lampiran 45



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
80.	China rancang hasilkan matahari tiruan kedua	Kosmo!	Rujuk Lampiran 46
81.	All eyes on 'parliament' session	The Star	Rujuk Lampiran 47
82.	Drones soar higher	The Star	Rujuk Lampiran 48
10 MAC 2019 (AHAD)			
83.	<u>Teknologi AI kenal pasti hotspot denggi</u>	Mingguan Malaysia	Rujuk Lampiran 49
84.	<u>Teknologi, serah kepada pakar</u>	Mingguan Malaysia	Rujuk Lampiran 50
9 MAC 2019 (SABTU)			
85.	<u>Banjir Trans Jawa memalukan</u>	Utusan Malaysia	Rujuk Lampiran 51



LAMPIRAN 1
SINAR HARIAN (TENGAH): MUKA SURAT 17
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

EDITOR: KHAIROL AMRIYASIN PENOLONG EDITOR: ASMAJIZA MANSOR, LEWAN KOLLIN & ASMIYATI OMAR

Caj plastik 20 sen mulai 15 Mac

Atasi masalah pencemaran sisa plastik di Wilayah Persekutuan

PUTRAJAYA

Caj pencemaran sebanyak 20 sen akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan mulai 15 Mac ini.

Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abd Samad berkata, caj berkenaan

selaras dengan matlamat kerajaan untuk mengatasi masalah pencemaran sisa plastik melalui Pelan Hala Tuju Ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 yang diterajui Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

"MESTECC turut membenarkan semua kerajaan negeri termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mengenakan caj pencemaran sebanyak 20 sen kepada setiap beg plastik yang digunakan oleh pengguna semasa

membeli-belah.

"Caj tersebut hanya boleh dikenakan ke atas setiap beg plastik biodegradasi manakala tindakan penguatkuasaan diteruskan kepada peniaga dan penjaja yang masih menggunakan beg plastik konvensional," kata dalam satu kenyataan semalam.

Jelas Khalid, pendekatan berkenaan bertujuan untuk memberi kesedaran dan perubahan minda kepada seluruh rakyat Malaysia amnya dan warga Wilayah Persekutuan khususnya mengenai keper-



KHALID

luan perbelanjaan kerajaan untuk membersihkan pencemaran sisa plastik.

Selain itu, beliau berka-

ta pendekatan tersebut diambil supaya dapat memberi kesedaran mengenai inisiatif hijau serta menjamin kelestarian alam sekitar.

Sejak penggunaan produk biodegradasi (mudah terurai) di Wilayah Persekutuan, peniaga dan penjaja telah memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan inisiatif hijau itu, kata Khalid.

Kementerian Wilayah Persekutuan berharap semua warga Wilayah Persekutuan positif dan dapat berganding bahu menja-

yakan inisiatif Pembangunan Teknologi Hijau Di Wilayah Persekutuan, jelasnya.

"Membawa beg sendiri semasa membeli belah amatlah digalakkan dan lebih memudahkan. Begitu juga sekiranya ingin membungkus makanan di kedai-kedai makan adalah digalakkan untuk membawa bekas sendiri.

"Larangan penggunaan straw plastik masih diteruskan manakala penguatkuasaannya akan mula dilaksanakan pada Januari 2020," katanya - Bernama



LAMPIRAN 2
KOSMO (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 4
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

Bayaran 20 sen dikenakan bagi setiap beg plastik biodegradasi

Caj pencemaran mulai 15 Mac

PUTRAJAYA - Caj pencemaran sebanyak 20 sen akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan mulai Jumaat ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, caj berkenaan selaras dengan matlamat kerajaan untuk mengatasi masalah pencemaran sisa plastik melalui Pelan Hala Tuju Ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 yang diterajui Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (Mestecc).

"Mestecc turut membenarkan semua kerajaan negeri

termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mengenakan caj pencemaran 20 sen bagi setiap beg plastik yang digunakan semasa membeli-belah.



KHALID

"Caj itu hanya boleh dikenakan ke atas beg plastik biodegradasi, manakala tindakan penguatkuasaan diteruskan kepada peniaga dan penjaja yang masih menggunakan beg plastik konvensional," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Khalid, pendekatan itu bertujuan untuk memberi kesedaran dan perubahan minda kepada seluruh rakyat Malaysia amnya dan warga Wilayah Persekutuan khususnya mengenai keperluan perbelanjaan kerajaan untuk membersihkan pencemaran sisa plastik.

Selain itu, beliau berkata, pendekatan tersebut diambil supaya dapat memberi kesedaran mengenai inisiatif hijau serta menjamin kelestarian alam sekitar.

Sejak penggunaan produk biodegradasi (mudah terurai) di Wilayah Persekutuan, peniaga dan penjaja telah memberikan kerjasama yang

baik dalam menjayakan inisiatif hijau itu.

"Kementerian Wilayah Persekutuan berharap semua warganya positif dan dapat berganding bahu menjayakan inisiatif Pembangunan Teknologi Hijau di Wilayah Persekutuan.

"Membawa beg sendiri semasa membeli-belah digalakkan, begitu juga sekiranya ingin membungkus makanan di kedai-kedai makan adalah digalakkan untuk membawa bekas sendiri," katanya.

Larangan penggunaan straw plastik masih diteruskan dan penguatkuasaannya akan mula dilaksanakan pada Januari 2020. - Bernama



CAJ sebanyak 20 sen dikenakan ke atas setiap beg plastik biodegradasi mulai Jumaat ini.

LAMPIRAN 3
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 4
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

Wilayah Persekutuan kuat kuasa mulai 15 Mac

→ Inisiatif tingkat kesedaran pengguna, jamin kelestarian alam sekitar: Khalid

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim**
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Caj pencemaran sebanyak 20 sen akan mula dikenakan terhadap pengguna yang memerlukan beg plastik biodegradasi di Wilayah Persekutuan, berkuat kuasa 15 Mac ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad, berkata pendekatan itu bertujuan memberi kesedaran dan perubahan minda dalam kalangan rakyat mengenai keperluan perbelanjaan kerajaan membersihkan pencemaran sisa plastik, selaras Pelan Hala Tuju Malaysia Ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030.

Selain itu, katanya, ia berupaya memupuk kesedaran mengenai inisiatif hijau dan jamin kelestarian alam sekitar.

Beliau berkata, ia kerana maklum balas daripada penia-

ga dan penjaja mendapati usaha mengurangkan penggunaan beg plastik tidak akan berjaya selagi ia masih disediakan kepada pengguna secara percuma.

Peniaga, penjaja beri kerjasama baik

"Bagaimanapun, sejak penggunaan produk biodegradasi (mampu terurai secara semula jadi) di Wilayah Persekutuan diperkenalkan, peniaga dan penjaja memberi kerjasama yang baik dalam menjayakan inisiatif hijau ini.

"Kementerian berharap semua warga mengambil positif dan dapat berganding bahu menjayakan inisiatif pembangunan teknologi hijau di Wilayah Persekutuan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, pada 17 Oktober lalu mengumumkan semua kerajaan negeri diberi tempoh tiga tahun

dari 2019 hingga 2021 untuk menguatkuasakan caj pencemaran tersebut.

Kerajaan negeri diberi kuasa tentu nilai caj

Bee Yin dilaporkan sebagai berkata, kerajaan negeri turut diberi kuasa untuk menentukan sendiri nilai caj pencemaran yang mahu dikenakan dan tarikh pelaksanaannya.

Seiring pengumuman itu, Khalid berkata, tindakan penguatkuasaan akan diteruskan terhadap peniaga dan penjaja yang masih menggunakan beg plastik konvensional untuk pelbagai tujuan.

"Membawa beg sendiri ketika membeli-belah amat digalakkan dan lebih memudahkan, selain menggunakan bekas dari rumah sekiranya ingin membungkus makanan.

"Larangan penggunaan straw plastik masih diteruskan, manakala langkah penguatkuasaan akan mula dilaksanakan pada Januari 2020," katanya.

LAMPIRAN 4
HARIAN METRO (TENGAH): MUKA SURAT 27
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

Putrajaya

Mula caj pencemaran 15 Mac ini

Caj pencemaran sebanyak 20 sen akan dilaksanakan di Wilayah Persekutuan mulai 15 Mac ini.

Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abd Samad berkata caj berkenaan selaras dengan matlamat kerajaan untuk mengatasi masalah

pencemaran sisa plastik melalui

Pelan Hala

Tuju Ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030

yang diterajui

Kementerian Sains, Teknologi, Alam

Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

“MESTECC turut membenarkan semua kerajaan negeri termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mengenakan caj pencemaran sebanyak RM0.20 kepada setiap beg plastik yang digunakan oleh pengguna semasa membeli-belah.

“Caj tersebut hanya boleh dikenakan ke atas setiap beg plastik biodegradasi manakala tindakan penguatkuasaan diteruskan kepada peniaga dan penjaja yang masih menggunakan beg plastik konvensional,” katanya.

Jelas Khalid,

pendekatan berkenaan bertujuan untuk memberi kesedaran dan perubahan minda kepada seluruh rakyat Malaysia amnya dan warga Wilayah Persekutuan khususnya mengenai

keperluan perbelanjaan kerajaan untuk membersihkan pencemaran sisa plastik.

Selain itu, beliau berkata pendekatan itu diambil supaya dapat memberi kesedaran mengenai inisiatif hijau serta menjamin kelestarian alam sekitar. - BERNAMA



KHALID

LAMPIRAN 5 BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 8 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

Lynas perlu henti cari alasan, fikir kaedah hantar buangan

Kuantan: Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh, meminta Lynas Corporation Ltd (Lynas) berhenti mencari alasan, sebaliknya memikirkan kaedah menghantar sisa buangan kilang terbabit ke Australia, September ini.

Beliau berkata, Lynas sepatutnya sedia maklum serta jelas dengan saranan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), sekali gus tidak menimbulkan isu bahawa penyelidikan perlu dilakukan terlebih dahulu terhadap sisa *Water Leached Purification* (WLP) dihasilkan kilang itu.

"Tidak perlu pun (penyelidikan) dilakukan terhadap WLP, ia adalah sisa radioaktif dan MESTECC sudah mengeluarkan arahan mereka (Lynas) mesti menghantar kembali ke negara asal (Australia)," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas program Santuni Wanita Sempena Hari Wanita Sedunia di Pasar Tani Mega Kuantan, di sini, semalam.

Sebelum ini, Lynas dalam laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) mendakwa berjaya menghasilkan bahan asas jalan dan produk perapi tanah dikenali sebagai CondiSoil daripada sisa atau bahan buangan selepas nadir bumi diproses di kilang miliknya yang terletak di kawasan perindustrian Gebeng, dekat sini.

Lynas juga dikatakan sedia mengkomersialkan produk itu sebaik sahaja menerima kelulusan untuk Pengurusan Khas Sisa Terjadual daripada Jabatan Alam Sekitar.

Tak patut terus berdolak-dalik

Mengulas lanjut mengenai isu berkehaan, Fuziah berkata, Lynas tidak sepatutnya terus berdolak-dalik dan mengaburi pemahaman masyarakat terhadap isu sebenar yang membabitkan alam sekitar.

"Saya fikir, lebih baik Lynas menerima hakikat bahawa mereka cuma ada enam bulan lagi untuk menyelesaikan masalah ini. Sekarang bukan masa hendak mencari alasan atau bercakap mengenai itu dan ini yang tiada kaitan dengan saranan MESTECC.

"Pihak MESTECC sudah melakukan yang terbaik untuk membantu Lynas menghantar balik sisa buangan kilang itu ke Australia," katanya.



Tidak perlu pun (penyelidikan) terhadap WLP, ia adalah sisa radioaktif dan MESTECC sudah mengeluarkan arahan mereka (Lynas) mesti hantar kembali ke negara asal (Australia)"

Fuziah Salleh,
Ahli Parlimen Kuantan

LAMPIRAN 6 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 2 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

Pencemaran kimia: Petunjuk baharu ditemukan

Oleh **NURUL HUDA HASSAN**

pengarang@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 10 Mac - Jabatan Alam Sekitar (JAS) percaya dapat mengenal pasti pihak yang membuang sisa buangan berjadual secara haram di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Khamis lalu berikutan penemuan petunjuk baharu hari ini.

Pengarahnya, Datuk Dr. Mohammad Ezanni Mat Salleh berkata, petunjuk baharu diperoleh daripada keputusan analisis yang diterima pihak JAS daripada Jabatan Kimia Johor hari ini diyakini dapat memberi maklumat berkaitan pihak yang melakukan tindakan tidak bertanggungjawab itu.

Dengan perkembangan tersebut, katanya, pihak JAS dapat mengecilkan skop siasatan dan suspek yang telah disenarai pendek.

"Laporan yang diperoleh daripada Jabatan Kimia itu mendedahkan sebatian sebenar bahan kimia yang digunakan dan dapat membantu kami menyenarai pendek pihak terlibat daripada yang kami senaraikan sebelum ini.

"Kami sudah dapat petunjuk baharu, dalangnya hampir dikenal pasti dengan petunjuk ini. Jadi, beri kami sedikit masa untuk terus melakukan siasatan sebelum memaklumkan perkembangannya," katanya ke-



SUKARELAWAN membersihkan peralatan Sekolah Kebangsaan Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, Johor kelmarin daripada kesan pencemaran bahan kimia yang dibuang di Sungai Kim Kim.

tika dihubungi di sini hari ini.

Media hari ini melaporkan, Mohammad Ezanni berkata, pihaknya sudah mengenal pasti pihak yang membuang sisa buangan berjadual secara haram di Sungai Kim Kim, dipercayai daripada dua sektor iaitu perkapalan dan kilang kimia.

Menurutnya, JAS menyenarai pendek 30 kilang kimia yang terletak di Pasir Gudang dan pada masa sama bekerjasama dengan polis bagi memeriksa rakaman kame-

ra litar tertutup (CCTV) di setiap lampu isyarat dan jalan di Pasir Gudang menuju ke sungai itu.

Dalam pada itu, ditanya sebatian kimia yang dikenal pasti hasil analisis Jabatan Kimia, Mohammad Ezanni enggan mengulas kerana tidak mahu mengganggu siasatan yang sedang dijalankan pihaknya dan polis.

Sementara itu, beliau berkata JAS berterima kasih dengan bantuan orang awam yang tampil membantu siasatan termasuk berkongsi rakaman video yang dirakam atau memberikan keterangan kerana amat membantu pihaknya menyelesaikan kes tersebut.



MOHAMMAD EZANNI

LAMPIRAN 7
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 8
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

JAS Johor kenal pasti suspek

➔ Analisis Jabatan Kimia beri petunjuk baru dalang terbabit

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

► Pasir Gudang

Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor sudah mengenal pasti beberapa suspek utama kes pembuangan sisa kimia berbahaya secara haram ke Sungai Kim Kim, di sini, Khamis lalu.

Pengarahnya, Datuk Mohammad Ezani Mat Salleh, berkata antara suspek utama dikenal pasti ialah industri beroperasi berdekatan Sungai Kim Kim, dan siasatan rapi sedang dijalankan untuk tindakan susulan.

Katanya, JAS Johor memperoleh analisis data daripada Jabatan Kimia semalam, sekaligus mendapat petunjuk baru mengenai dalang terbabit.

Beliau berkata, analisis Jabatan Kimia itu berupaya mengecilkkan skop siasatan dan suspek yang disenaraikan sejak Jumaat lalu.

"JAS Johor sudah mendapat petunjuk baharu dan siasatan kini ditumpu berdasarkan laporan analisis dikeluarkan Jabatan Kimia tadi (semalam).

"Beri sedikit masa untuk kami melakukan siasatan kerana dalang sebenar yang bertanggungjawab membuang secara haram sisa kimia berbahaya ke Sungai Kim Kim, hampir dikenal pasti dengan petunjuk ini.

Senarai pendek suspek

"Laporan analisis Jabatan Kimia yang mendedahkan sebatian kimia sebenar dibuang ke sungai itu membolehkan JAS menyenarai pendek beberapa suspek utama kes berkenaan,"

katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Media sebelum ini melaporkan Mohammad Ezani sebagai berkata, kira-kira 30 industri menghasilkan sisa bahan kimia berhampiran sungai itu, selain beberapa syarikat perkapalan sedang disiasat JAS berikutan insiden berkenaan.

Ditanya berhubung sebatian kimia yang dikenal pasti Jabatan Kimia, Mohammad Ezani bagaimanapun enggan mengulas lanjut berikutan tidak mahu mengganggu siasatan JAS dan polis.

Maklumat sulit

"Maklumat berkenaan sulit pada masa ini, namun akan diumumkan sebaik dalang utama insiden ini dikenal pasti sedikit masa lagi.

"JAS berterima kasih kepada orang awam yang tampil membantu siasatan, termasuk menerusi rakaman video mahupun keterangan diberikan kerana ia membantu kami menyelesaikan kes ini," katanya.

Sementara itu, jumlah mang-

sa terhidu gas daripada sisa kimia dibuang ke Sungai Kim Kim, meningkat kepada 82 orang setakat tengah hari semalam berbanding 79 malam kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian Johor, Dr Sahrudin Jamal, berkata keseluruhan jumlah itu membabitkan 23 mangsa menerima rawatan sebagai pesakit luar, manakala 59 lagi dirawat di Hospital Sultan Ismail (HSI) sejak kejadian berkenaan dilaporkan.

"Daripada 59 orang terbabit, 34 sudah dibenarkan pulang, manakala 25 lagi masih dirawat di HSI," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, 18 mangsa ditempatkan di wad biasa, sementara tujuh dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Mereka yang ditempatkan di ICU membabitkan seorang melalui proses 'intubation', manakala enam lagi dalam pemerhatian. Keadaan mereka semua stabil," katanya.

LAMPIRAN 8
THE STAR (VIEWS): MUKA SURAT 17
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)



LAMPIRAN 9 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 20 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)



GAS BERACUN Kerja bersih 2 sekolah lancar

GURU dan ibu bapa SK Taman Pasir Putih giat melakukan kerja pembersihan kelas dan kawasan sekolah, semalam.

Izaily Nurul Ain Hussein
am@hmetro.com.my

Proses pembersihan Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih yang terjejas akibat pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang di sini, Khamis lalu berjalan lancar, semalam. Dua sekolah itu terjejas te-

ruk dengan lebih 30 pelajar dan murid terpaksa mendapatkan rawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI) berikutan ancaman gas akibat pembuangan sisa bahan kimia. Keadaan itu menyebabkan sesi persekolahan ditangguhkan dan bangunan sekolah ditutup sejak Khamis lalu hingga semalam. Pengtua SMK Pasir Putih Warda Ismail berkata, pihaknya memulakan proses pembersihan sejak jam 8 pagi

dengan bantuan guru, kakitangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). "Kita juga mendapat bantuan pekerja pembersihan dari SMK Bandar Seri Alam dan SK Pasir Gudang 3 dengan seramai 25 orang membersihkan bangunan sekolah membabitkan 37 bilik darjah dan 10 bilik khas. "Kerja pembersihan dilakukan mengikut saranan dan

panduan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) termasuk menyelenggara penghawa dingin, membasuh semua langsir dan fabrik serta memastikan penguudaraan baik dengan membuka tingkap dan kipas. "Bomba juga pesan, pakaian yang kami gunakan ketika kerja pembersihan perlu dibasuh secara berasingan dengan pakaian lain," katanya ketika ditemui di sekolah itu, semalam.

Bellau berkata, lima guru sekolah berkenaan yang menghidap asma dinasihatkan melapor diri di sekolah lain di kawasan berhampiran bagi mengelak risiko mendapat sebarang penyakit. Katanya, selepas proses pembersihan, pihaknya akan menunggu Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan bomba melakukan pemeriksaan selain arahan lanjut untuk sesi persekolahan hari ini.

Johor Bahru: Penduduk Kampung Bukit Pulai, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang di sini, mendakwa Sungai Kim Kim yang berada di kawasan kampung itu masih tercemar dan mengeluarkan bau busuk.


Jarak sungai itu hanya kira-kira 500 meter hingga satu kilometer (km) dari lokasi pembuangan sisa bahan kimia di bawah jambatan yang menghubungkan Taman Pasir Putih dan Taman Kota Masai.

Kawasan sungai yang dilihat masih tercemar teruk itu sukar diakses orang awam termasuk pihak berkuasa melainkan menggunakan bot.

Penduduk Zulkiyfi Kassim, 50, berkata, dia dan beberapa penduduk terpenggal untuk meninjau kawasan Sungai Kim Kim memandangkan anak penduduk termasuk anaknya akan ke sekolah, hari ini.

"Saya terpenggal meninjau kawasan sungai yang lebih ke-

Sungai Kim Kim masih tercemar teruk



HIDUPAN sungai termasuk ikan mati di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang yang dipenuhi tempokan hitam dipercayai sisa bahan kimia berbahaya yang dibuang secara haram.

dalam kerana bimbang keselamatan anak yang akan mula ke sekolah esok (hari ini), jadi bimbang kalau ada yang pongsan dan perkara buruk berlaku. "Kawasan sungai yang ke dalam itu tidak boleh dilalui menggunakan jalan darat, kalau guna dron tidak nam-

pak kerana ada pokok bakau, ular juga be-sar-be-sar. "Ketika air pasang semalam (kel-

marin), kami turun dengan bot, kami lihat tempokan minyak masih terlalu banyak di situ, ia tidak terus ke laut dan berenti di belakang kawasan Jalan Cermat 13," katanya di sini, semalam. Zulkiyfi berkata, tidak

mustahil minyak yang terkumpul itu akan menghasilkkan gas beracun sehingga membahayakan kesihatan orang ramai. Kampung Bukit Pulai adalah kampung pertama yang dilalui air Sungai Kim Kim selepas lokasi pembuangan sisa bahan kimia itu.

FAKTA
Tidak mustahil minyak yang terkumpul akan hasilkan gas beracun



LAMPIRAN 10 NEWS STRAIT TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 8 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

'HEATWAVE TO END LATE THIS MONTH'

Normal weather next month, says MetMalaysia director-general

TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
tehathira.yusof@nst.com.my

MALAYSIANS will have to endure the hot and dry weather a little longer.

Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) director-general Alui Bahari said the country was in the final phase of the northeast monsoon, which was expected to end late this month.

"The hot weather and decline in rainfall nationwide, except for west of Sarawak, are normal during this phase.

"This will continue until the end of this month.

"It will turn to normal next month as the monsoon transition phase takes over.

"More rain and thunderstorms are expected in the interior and west coast of the peninsula in the evenings."



“The hot weather and decline in rainfall nationwide, except for west of Sarawak, are normal during this phase. This will continue until the end of this month.**”**

ALUI BAHARI
Malaysian Meteorological Department, director-general

He said most local meteorological stations recorded daily temperatures of between 33°C and 35°C.

However, he said, there was a slight increase in temperatures recorded in northern states in

the peninsula.

"Maximum temperatures of 37°C to 38°C have been recorded in northern states."

On whether there was a need for cloud seeding as most areas affected were facing water supply issues, Alui said the operation would depend on the atmospheric condition and cloud presence.

"For cloud seeding to be successful, the condition must be favourable.


"Cumulus clouds or rain bearing clouds must be present.

"Currently, the atmospheric condition in this region is too dry and the formation of clouds is not suitable for cloud seeding."

MetMalaysia has posted on its website the latest heatwave status, where seven areas are at the precaution stage (level one) in Peninsular Malaysia.

The map shows that Chuping (Perlis), Sik and Baling (Kedah), Raub, Bentong and Maran (Pahang) and Kepong (Kuala Lumpur) will face daily maximum temperatures of between 35°C and 37°C for at least three straight days.

Sabah and Sarawak are not affected by the heatwave.



Dams drying up, fire incidents on the rise

KUALA LUMPUR: The hot and dry season has given rise to problems nationwide.

In **George Town**, the Air Itam Dam's water level continues to drop. The effective capacity of the dam was recorded at 59.4 per cent yesterday, compared with 60.4 per cent on Friday.

Based on the Penang Water Supply Corporation's (PBAPP) website, the water level at the Teluk Bahang Dam is at 74.7 per cent, while the Mengkuang Dam's water level is at 45.9 per cent.

Prior to this, PBAPP chief executive officer Datuk Jaseni Maidinsa was reported to have said the Itam Dam's water reserve recorded a decline of 31.8 per cent in two months.

He said the dam's effective capacity earlier this year was at 92.2 per cent before it dropped to below 60 per cent.

He said the water level in Sungai Muda, Kedah, the state's major raw water supplier, dropped from 2.35m on Jan 1 to 1.55m.

In **Kluang**, the dry spell has contributed to a rise in fire incidents.

The Kluang Fire and Rescue Department has received 100 emergency calls related to fires,

mostly involving farms, farmland and forests.

Its chief, Senior Superintendent Akob Sedek, said the latest incident on Saturday involved 1.6ha of farmland and forests.

He said it took four hours to get the fire under control.

The operation was assisted by six members of the Kluang Malaysia Civil Defence Force.

"The number of fire incidents in areas under the station's supervision has increased significantly, especially last month, with 99 cases recorded compared with 20 in January.


"For this month only, we have received 27 emergency calls," he said yesterday.

People have been advised to avoid open burning.

Mengkibol assemblyman Chew Chong Sin said the public must heed the authorities' advice, especially the Fire and Rescue Department, to prevent fatalities.

"At the same time, people are encouraged to join the voluntary firefighting team to assist firefighters. Currently, there are only two Fire and Rescue Departments in the district.

"They are in Kluang and Simpang Renggam."



**LAMPIRAN 10 (SAMB)
NEWS STRAIT TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 9
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)**



**Dry season trouble
for 19,300 padi farmers**

KOTA BARU: Some 19,300 padi farmers nationwide are affected by the dry season, said the Agriculture and Agro-based Industry Ministry.

Its secretary-general, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan, said the three most affected states were Kelantan, Terengganu and Sabah.

He said water shortage affected the production of rice.

"The extreme hot weather is affecting farmers in Kelantan, Terengganu's granary areas and Sabah's Kota Belud.

"Among the problems faced by farmers who come under the supervision of the Kemubu Agricultural Development Authority (KADA) are limited water supply and padi crops which can survive only for two weeks.

"If this situation persists, it will affect the harvest and farmers will suffer losses," Sallehuddin

said after attending KADA's Excellent Service Award and Jasamu Dikenang 2018 programme here yesterday.

He said his officers had gone to the ground to learn about the problems faced by farmers.

"In Kelantan, we have provided 200 tube wells and will add another 100 units in the near future.

"We will deliver portable pumps to farmers in stages.

"I am confident all water-related problems, including the lack of water resources, will be resolved soon."

Sallehuddin urged KADA officers and employees to boost efforts to increase rice yields.

"To date, KADA has contributed eight per cent of the country's rice supply.

"I hope this can be improved."



**Prolonged
heatwave
affecting Orang
Asli rubber
tappers' income**

GUA MUSANG: More than 300 Orang Asli in Kampung Sentok, Pos Hendrop near here have been unable to tap rubber trees for the past two months due to the dry season.

"They are worried that the situation might persist.

Amir Pandak, 38, said it was not worth tapping rubber during the dry season.


He said the latex would not be as thick because the trees had lost a lot of leaves due to the dry spell, and it would take several months before the situation improved.

"It's good that I have saved some money by selling rubber scrap so that I can feed my family during the dry season.

"Although this phenomenon happens every year, this year's dry season is the longest.

"It has affected our income, which comes from rubber tapping.

"We welcome the Malaysian



Rubber tapper Amir Pandak showing latex collected from a rubber tree in Gua Musang yesterday. PIC BY RAMLI IBRAHIM

Rubber Board's plan to offer subsidies to rubber tappers."

Residents Jemeur Alang, 55, said rubber tappers had been affected not only due to the long dry season, but also the drop in rubber prices.

He said previously, he could

earn more than RM1,000 a month, but now he could only get RM600.

"Perhaps the government can ease rubber smallholders' burden.

"Our monthly income is not enough to support us."

Kampung Parit Sialang chief Zulkifli Shakor (right) showing the almost dried up Sungai Kesang in Tangkak yesterday. PIC BY ADI SAFRI

LAMPIRAN 11
BERITA HARIAN (JENAYAH): MUKA SURAT 20
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

Bedah siasat tengkorak, gigi, rambut dua jam

➔ 13 saksi dipanggil bantu siasatan

Oleh Zuliaty Zulkiffli
Bhnews@bh.com.my

Alor Setar

Proses bedah siasat terhadap tengkorak, gigi dan rambut milik Nur Aisyah Aleya Abdullah dilakukan di Hospital Sultanah Bahiyah, di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Superintenden Mohd Iqbal Ibra-

him, berkata proses bedah siasat ke atas mangsa berusia tiga tahun berjalan selama hampir dua jam itu yang bermula jam 11.30 pagi.

Beliau berkata, pihaknya yang hadir dua jam sebelum dibedah siasat diberi taklimat terlebih dahulu perjalanan proses terbabit.

"Sampel asid deoksiribonukleik (DNA) mangsa itu akan dihantar ke Jabatan Kimia Petaling Jaya, Selangor untuk pengesahan identiti mangsa sebelum ibu mangsa boleh menuntut tengkorak, gigi dan rambut untuk proses pengkebumian.

"Selain itu, setakat ini hanya 13 saksi dipanggil termasuk lapan kakitangan Hospital Langkawi dan lima anak suspek berusia antara tiga hingga 12 tahun untuk mem-

bantu siasatan," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohd Iqbal berkata, tiada penemuan terbaru diperolehi di gaung Gunung Raya dan rumah suspek di Kwarters Hospital Langkawi setakat ini.

Beliau berkata, setakat ini hanya tilam nipis yang mempunyai kesan darah dan penyangkut baju dirampas di rumah suspek pasangan suami isteri untuk siasatan lanjut.

Reman suspek berakhir Khamis ini

"Reman terhadap kedua-dua suspek dijangka berakhir pada 14 Mac ini (Khamis ini) dan dijangka akan di sambung untuk siasatan lanjut.



Keratan akhbar BH Khamis lalu.

"Berdasarkan rekod, kita dapati suspek lelaki mempunyai rekod jenayah lampau berkaitan kes pecah amanah membabitkan wang RM57,000 milik majikannya di Johor Bahru," katanya.

BH sebelum ini melaporkan kehilangan seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun Nur Aisyah Aleya Abdullah daripada jagaan pengasuhnya, di Kwarters Hospital Langkawi.

Ibu kandung mangsa berusia 32 tahun kemudian membuat laporan polis berhubung kehilangan anak tunggalnya.

Bagaimanapun, kehilangan kanak-kanak itu terjawab apabila tengkorak, cebisan rambut dan dua batang gigi ditemui di gaung Gunung Raya, Langkawi Rabu lalu selepas pasangan suspek suami isteri berusia 37 tahun dan 40 tahun itu ditahan di Kuala Lumpur.

Sementara itu, ibu mangsa, Rosmaliah Samo yang ditemui di Jabatan Forensik Hospital Sultanah Bahiyah, enggan ditemu bual.

Ibu mangsa yang tiba dari Langkawi jam 9.30 pagi tadi turut ditemui tiga rakannya, termasuk majikannya.

LAMPIRAN 12
 BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 12
 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

Nature Profusion lebih agresif teroka segmen industri



[FOTO ROSDAH WAHID/BH]



Syarikat hasilkan produk pencuci mesra alam guna teknologi FRIM, MTDC

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
 nasuha@bh.com.my

Daripada seorang pemuda lepasan ijazah yang sedang mencari peluang kerjaya, Mohd Ramdan Parman tidak menyangka penyertaannya dalam program FRIM-MTDC Bio-Usahawan Siswazah ternyata mengubah haluan kerjaya dalam hidupnya.

Pemuda berusia 34 tahun itu terpilih sebagai pesertaambilan pertama program berkenaan yang dianjurkan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Perbadanan Peningkatan Teknologi Malaysia (MTDC).

Bercerita lebih lanjut mengenai Mohd Ramdan berkata, ketika menyertai program berkenaan pada pertengahan 2008, beliau mengenali peserta lain antaranya Wan Sabariah Shuib.

Walaupun saling tidak mengenali sebelum ini, hubungan persahabatan yang dibina pada program berkenaan memberikan keberanian kepada mereka berdua untuk sama-sama menubuhkan syarikat yang dikenali sebagai Nature Profusion Sdn Bhd (Nature Profusion).

Nature Profusion ditubuhkan pada 26 Disember 2008 dan ia mengkomersialkan teknologi dari FRIM dan MTDC. Ia mengeluarkan rangkaian produk pencuci serbaguna di bawah jenama Ciera.

Mohd Ramdan berkata, beliau bersama rakan kongsinya itu membuat keputusan untuk mengguna pakai teknologi yang dibangunkan oleh penyelidik FRIM iaitu Dr Mastura Mohlar.

"Daripada jalinan kerjasama itu, kami menghantar pelan perni-



agaan kepada MTDC untuk penilaian mereka dan seterusnya berjaya memperoleh dana bernilai RM1.038 juta yang diberikan secara berperingkat.

"Kami menggunakan dana berkenaan untuk menghasilkan produk pencuci serbaguna dengan teknologi antibakteria dari ekstrak aloe vera dan teh hijau.

"Tujuan utama kami memilih teknologi mesra alam bagi produk pencuci adalah kerana kami mahu menggantikan penggunaan triklozan dan triklokarbon yang masih digunakan secara meluas di negara ini.

Ganti produk tidak selamat

"Penggunaan kedua-dua bahan berkenaan mudah didapati di dalam produk pencuci sebagai pengawet dan agen antibakteria tetapi kajian menunjukkan bahan berkenaan sebenarnya tidak selamat dan menyebabkan risiko yang besar terhadap manusia dan juga alam sekitar," katanya ketika ditemui di pejabat Nature Profusion, dekat Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ketika ditanya mengenai kesukaran yang dihadapi dalam membangunkan perniagaannya, Mohd Ramdan berkata, memandangkan beliau dan Wan Sabariah mempunyai perwatakan yang berbeza, mereka banyak berselisih faham

ketika membincangkan mengenai hala tuju perniagaan.

"Bagaimanapun, kami tidak menganggapnya sebagai satu masalah kerana ia menjadikan personaliti kami saling melengkapi. Ia bagus untuk syarikat kerana kami boleh sentiasa 'semak dan imbang'.

"Kesukaran kami sebenarnya lebih kepada kurangnya bimbingan daripada mereka yang betul-betul berada dalam industri. Pada awal penubuhan, FRIM memberi banyak bantuan daripada aspek penyelidikan dan MTDC pula membantu dari segi dana," katanya.

Bercerita mengenai produk Ciera, Mohd Ramdan berkata, sejak mula dipasarkan pada 2012, jenama berkenaan sudah mempunyai sebanyak 13 unit simpanan stor (SKU).

Ia termasuk produk terlarisnya iaitu pencuci serbaguna yang boleh digunakan untuk mencuci, membunuh kuman dan menyah-bau ruang dalam rumah dan perabot.

Selain itu, antara produk Ciera yang lain termasuk spray pencuci pelbagai guna, pencuci badan dan produk penjagaan bayi di bawah jenama Ciera Junior.

Mohd Ramdan berkata, semua produk keluarannya boleh didapati di kebanyakan pasar raya besar di seperti Tesco, Giant dan juga

Info

- Nama: Mohd Ramdan Parman
- Jawatan: Ketua Eksekutif Nature Profusion Sdn Bhd
- Umur: 34 tahun
- Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Sains University of Otago, New Zealand
- Asal: Pulau Pinang

Sebahagian

Produk jenama Ciera yang dipasarkan Nature Profusion.

di platform dalam talian, Shopee. Mengulas mengenai sasaran yang ditetapkan untuk tahun ini, Mohd Ramdan berkata, pihaknya mahu memberi tumpuan untuk meneroka segmen industri berbanding runcit.

"Saya menasabah untuk membebankan produk Ciera kepada lebih 500 hingga 600 premis di sekitar Lembah Klang dan juga Melaka.

Katanya, pada masa ini pihaknya sudah membekalkan produk berkenaan ke beberapa agensi kerajaan dan hospital.

Kembang perniagaan

"Saya berharap kami dapat mengembangkan perniagaan dengan meneroka segmen industri dengan lebih agresif tahun ini. Pendedahan mengenai penggunaan bahan pencuci pelbagai guna berasaskan alami lebih tinggi dalam sektor industri berbanding sektor pengguna runcit.

"Malah, kerajaan juga sudah mengeluarkan polisi *Green Procurement* yang mana ia merujuk kepada perolehan produk, perkhidmatan atau kerja yang perlu mengambil kira kriteria persekitaran dan standard untuk melindungi persekitaran daripada kesan negatif.

"Justeru, saya melihat segmen industri menawarkan potensi yang lebih baik untuk syarikat ini," katanya.

Daripada jalinan kerjasama itu, kami menghantar pelan perniagaan kepada MTDC untuk penilaian mereka dan seterusnya berjaya memperoleh dana bernilai RM1.038 juta yang diberikan secara berperingkat. Kami menggunakan dana berkenaan untuk menghasilkan produk pencuci serbaguna dengan teknologi anti-bakteria dari ekstrak aloe vera dan teh hijau"

Mohd Ramdan Parman,
 Ketua Eksekutif
 Nature Profusion

LAMPIRAN 13
 SUNDAY STAR (NATION): MUKA SURAT 02
 TARIKH: 10 MAC 2019 (AHAD)

Sucky situation with straws

Malaysians still big consumers of plastic despite ban

By HEMANANTHANI SIVANANDAM
 hemananthani@thestar.com.my



PETALING JAYA: Despite the looming total ban on single-use plastics and the country's reputation as the plastic waste capital of the world, Malaysians are still big consumers of straws and bags, a survey has found.

According to a study by prominent survey group YouGov Omnibus, at least one in five (22%) out of the 1,013 Malaysians polled used plastic straws daily.

At the same time, a whopping 91% agreed that conserving the environment was important.

The survey also showed that about 10% – or one in 10 Malaysians – admitted to using straws several times a day while 12% – or one in eight – used these once daily.

Thirty-one per cent used straws several times a week and 13% used them once a week.

With the use of straws still high, at least 25% of those asked in the poll said they had their own reusable straws.

However, 32% of Malaysians in the poll felt that they did not see the need to use reusable straws while another 27% found it inconvenient to carry one around.

Those aged 35 to 44 as well as people without a university degree were more likely to have their own reusable straws.

The most popular reason given for not having reusable straws – they did not know where to get one.

The survey also found that 24% of those

polled used plastic bags at least once a day.

However, when making purchases, 67% would sometimes refuse plastic bags while 21% did not ask for these. Only one in eight – or 12% – always took a plastic bag with their purchases.

While 91% of those polled agreed that it was important to conserve the environment, 44% also felt that it was the government which had the biggest role to play.

This was followed by consumers (37%), non-governmental organisations (10%) and businesses (9%).

Asia Pacific YouGov Omnibus chief Jake Gammon said while most Malaysians believed in preserving the environment, data showed that many relied heavily on single-use plastics on a daily basis.

“Many Malaysians are looking to the government to reduce plastic waste and conserve the environment as a whole,” said Gammon.

Under the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry's Roadmap Towards Zero Single-use Plastics,

One in five Malaysians use plastic straws daily

How often do you use plastic straws? (%)



Source: YouGov

there will be no more drinking straws and plastic carrier bags by 2030.

The plan will see local councils imposing a “pollution charge” and a “no straw by default” policy.

Many local councils in the Federal Territory as well as Johor and Sarawak are already slowly phasing out single-use plastics, starting with straws.

According to a 2015 study in *Science Magazine*, Malaysia is the eighth worst country worldwide for plastic waste.

LAMPIRAN 14
 MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3
 TARIKH: 10 MAC 2019 (AHAD)

Sektor perkapalan, kilang kimia terlibat – JAS

PASIR GUDANG 9 Mac - Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengenal pasti pihak daripada dua sektor iaitu perkapalan dan kilang kimia yang bertanggungjawab membuang sisa kimia dalam Sungai Kim Kim di sini kelmarin.

Pengarah JAS negeri, Datuk Dr. Mohammad Ezanni Mat Salleh berkata, pihaknya sudah menyenaraikan 30 kilang kimia di daerah itu untuk disiasat dalam usaha mengesan pihak yang bertanggungjawab.

“Pihak JAS juga akan bekerjasama dengan Lembaga Pelabuhan Johor bagi mengesan kapal-kapal yang membawa minyak ke kawasan berkenaan.

“Ini merupakan kali pertama bagi kes pembuangan bahan buangan berjadual ke dalam

sungai, biasanya berlaku di darat dan di tengah laut,” ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas hadir taklimat kejadian kes pencemaran pembuangan bahan kimia metana secara haram ke Sungai Kim Kim di sini hari ini.

Taklimat turut dihadiri Timbalan Menteri Tenaga Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Isnaraissah Munirah Majilis.

Kelmarin Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih yang membabitkan kira-kira 1,600 pelajar terpaksa ditutup ekoran terhidu

bahan kimia yang dipercayai dibuang secara haram di Sungai Kim Kim kira-kira 500 meter dari kedua-dua sekolah itu.



MOHAMMAD EZANNI

Mohammad Ezanni berkata, pihaknya turut akan bekerjasama dengan pihak polis bagi memeriksa rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di setiap lampu isyarat dan jalan di Pasir Gudang menuju ke Sungai Kim Kim bagi mengesan pihak yang membuang sisa kimia haram terbabit.

Beliau berkata, pemeriksaan itu nanti memberi tumpuan melibatkan rakaman lori atau individu mencurigakan yang

melintasi Pasir Gudang menuju kawasan kejadian sekitar pukul 11 malam sebelum hari kejadian.

“Kita jangka mereka yang bertindak membuang sisa bahan kimia ke dalam Sungai Kim Kim ini adalah yang berada berhampiran kawasan Pasir Gudang.

“Sebab itu kita mengenal pasti suspek daripada dua sektor iaitu perkapalan dan kilang kimia,” katanya.

Ditanya mengenai keadaan semasa di lokasi kejadian, beliau memberitahu keadaan kualiti udara di kawasan tersebut beransur stabil dan kerja-kerja pembersihan masih dijalankan.

Katanya, kerja pembersihan sungai itu sepanjang 1.3 kilometer ke hulu sungai dijangka memakan masa lima hari.



LAMPIRAN 15
MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 3
TARIKH: 10 MAC 2019 (AHAD)

Buang sisa kimia: Polis buka kertas siasatan

JOHOR BAHRU 9 Mac -Polis membuka satu kertas siasatan berhubung kejadian pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang kerana perbuatan itu merupakan jenayah kepada manusia dan alam sekitar.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd. Khalil Kader Mohd. berkata, kesalahan itu disiasat mengikut Seksyen 278 Kanun Keseksaan kerana menjadikan udara berbahaya kepada kesihatan dan Seksyen 284 kanun sama kerana kelakuan cuai berkenaan dengan benda beracun.

Menurutnya, sehingga semalam, polis menerima lima laporan berhubung kejadian

daripada keluarga pelajar dan penduduk sekitar kawasan kampung yang terjejas, semua laporan itu diterima Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam.

“Walaupun Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri menjalankan siasatan tetapi polis turut membuka kertas siasatan dan kita akan bekerjasama dengan JAS bagi mengesan pihak yang tidak bertanggungjawab melakukan pembuangan sisa bahan kimia tersebut.

“Mereka tak ambil kira soal keselamatan bukan sahaja orang tapi juga kebersihan sungai, jadi ia satu jenayah... jenayah kepada alam sekitar, jenayah kepada manusia,” katanya selepas merasmikan pro-

gram Hari Bertemu Pelanggan Mega PDRM Johor 2019 di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini hari ini.

Pada masa sama, Mohd. Khalil turut menyeru mana-mana pihak yang melihat aktiviti mencurigakan di kawasan mereka, tampil memberi maklumat kepada pihak polis di balai berdekatan.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, beliau memberitahu, IPK Johor sedang menyiapkan buku infografik bermaklumat berkaitan sejarah membabitkan pasukan itu di negeri ini sebagai rujukan pelbagai pihak pada masa akan datang.

“Saya dapati tiada buku khu-

sus berkaitan polis kontinjen Johor dari dahulu sehingga sekarang dan atas sebab itu, kita buat buku itu yang dilakukan sejak dua bulan lepas dan apabila siap kelak, akan ditambah baik dari semasa ke semasa selain boleh digunakan untuk rujukan mereka yang mahu membuat kajian berhubung pembangunan polis di negeri ini,” katanya.

Selain itu, Mohd. Khalil memberitahu, polis Johor juga dalam proses menubuhkan pasukan pancaragam yang dijangka dirasmikan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun hujung bulan ini bersempena sambutan Hari Polis.

145

LAMPIRAN 16
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 14
TARIKH: 10 MAC 2019 (AHAD)

Dua sekolah terjejas bahan kimia ditutup hari ini

➔ Bolehkan JAS lakukan operasi pembersihan Sungai Kim Kim

Oleh Mohamed Farid Noh dan Izlaily Nurul Ain Hussein
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru

Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Pasir Putih, di Pasir Gudang, ditutup hari ini, bagi membolehkan kerja pembersihan sisa bahan kimia berbahaya yang mencemari Sungai Kim Kim dilakukan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Timbalan Pengarah Pendidikan Johor, Azman Adnan, berkata penutupan itu dibuat susulan syor pelbagai agensi, termasuk JAS negeri bagi memastikan keselamatan pelajar, selain pihak sekolah mahu membersihkan kawasan sekolah masing-masing daripada bahan kimia berbahaya itu.

"Berdasarkan maklum balas dan syor pihak berkuasa, SK Taman Pasir Putih dan SMK Taman Pasir Putih



Dua sekolah itu dibuka semula bagi pembelajaran pada Isnin"

Azman Adnan, Timbalan Pengarah Pendidikan Johor



Mohd Khalil (dua dari kanan) beramah mesra dengan orang ramai pada Hari Bertemu Pelanggan Mega PDRM Johor, semalam.



akan ditutup esok (hari ini) bagi membolehkan kerja pembersihan sepenuhnya dibuat.

"Dua sekolah itu dibuka semula bagi pembelajaran pada Isnin. Susulan itu, Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang sedang mengambil tindakan susulan bagi memaktumkan ibu bapa, guru dan pelajar di dua

sekolah terbabat," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Keadaan terjejas sudah stabil

Terdahulu, Pengarah JAS Johor, Datuk Dr Mohammad Ezzani Mat Salleh berkata, keadaan pencemaran udara di kawasan terjejas sudah stabil, namun JAS bimbang ia akan berulang semula apabila pihaknya melakukan kerja pembersihan sungai tercemar itu.

"Penguapan gas kimia berbahaya boleh berlaku semula apabila JAS mengorek tanah di kawasan terjejas bagi memindahkan sisa toksik di dalam tanah bagi kerja pembersihan dijangka berakhir Isnin ini.

"Jadi, kita mengesyorkan Kementerian Pendidikan menutup sementara sekolah di kawasan terjejas sehingga sekolah dibersihkan, selain kawasan terjejas disahkan bebas pencemaran sisa kimia berbahaya," katanya.

Beliau berkata, JAS dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) kini meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) antara Pasir Gudang ke Sungai Kim Kim bagi mengenal pasti dalang pembuangan sisa kimia haram di kawasan berkenaan.

Katanya, rakaman CCTV yang dipantau bermula jam 10.30 malam hingga awal pagi itu bagi mengenal pasti semua lori yang melalui kawasan berkenaan pada malam Khamis lalu.

Sementara itu, Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata, pihaknya menerima lima laporan membabitkan kes pembuangan sisa kimia secara haram yang dikenal pasti sebagai gas metana di Sungai Kim Kim, sejak Khamis lalu.

Katanya, pihaknya kini bekerjasama dengan JAS negeri bagi mengesan pihak tidak bertanggungjawab membuang sisa bahan kimia itu.

Katanya, polis juga sudah mendapatkan sampel sisa bahan kimia itu untuk disiasat termasuk menyarlukannya kepada Jabatan Kimia.

"Tindakan membuang sisa kimia berbahaya di kawasan itu sangat tidak bertanggungjawab kerana tidak menghiraukan keselamatan nyawa manusia dan alam sekitar.

Kesan dalang buang sisa kimia

"Kita akan mengesan dalang pembuangan sisa kimia ini dengan apa cara sekali pun bagi memastikan mereka bertanggungjawab atas kesalahan besar dilakukan itu," katanya pada sidang media selepas pelancaran Hari Bertemu Pelanggan Mega PDRM Johor, di Dataran Kawad, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, di sini, semalam.

Khamis lalu, 1,400 pelajar di SMK Pasir Putih dan SK Pasir Putih, diarah mengosongkan kawasan sekolah kira-kira jam 10.30 pagi apabila beberapa pelajar muntah serta pengsan selepas terhidu gas metana.

Secara keseluruhan, 79 mangsa dirawat di hospital akibat pencemaran gas itu dengan empat orang termasuk dua pelajar SMK Pasir Putih, selain seorang pengusaha kantin dan pemandu ambulans masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

Kejadian dipercayai berpunca daripada pembuangan bahan kimia daripada sebuah lori tangki ke Sungai Kim Kim oleh pihak belum dikenal pasti, kira-kira jam 2 pagi Khamis lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahrudin Jamal pula berkata, 32 mangsa dirawat sebagai pesakit luar dan 47 dirawat di Hospital Sultan Ismail (HSI) akibat kejadian itu.



LAMPIRAN 17
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 5
TARIKH: 10 MAC 2019 (AHAD)

**Kerjasama kesan
dalang buang sisa metana**

Polis Johor bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri bagi mengesan dalang yang membuang sisa bahan kimia dikenal pasti sebagai metana ke dalam Sungai Kim Kim, Pasir Gudang di sini, hingga menyebabkan 79 mangsa terpaksa mendapatkan rawatan di hospital, sejak kelmarin.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd berkata, pihaknya setakat ini menerima lima laporan polis membabitkan kes berkenaan dan kertas siasatan dibuka bagi mencari dalang kejadian

itu.

Katanya, selain bekerjasama dengan JAS, pihaknya mendapatkan sampel sisa bahan kimia untuk disiasat termasuk menyalurkannya kepada Jabatan Kimia.

“Kami menerima lima laporan polis dibuat keluarga pelajar serta orang awam yang terbabit dalam kejadian itu sejak semalam (kelmarin). Tindakan membuang sisa kimia berbahaya jelas tidak menghiraukan keselamatan serta nyawa manusia, apa lagi alam sekitar,” katanya.



LAMPIRAN 18
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 5
TARIKH: 10 MAC 2019 (AHAD)

**Proses bersih sungai
dalam masa terdekat**

Proses pembersihan Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, yang tercemar akibat pembuangan sisa kimia hingga menyebabkan 79 mangsa terpaksa mendapatkan rawatan di hospital sejak Khamis lalu, akan dijalankan dalam masa terdekat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian negeri, Dr Sahrudin Jamal berkata, kerja pembersihan sungai akan tertumpu pada jarak 1.3 kilometer (KM) iaitu dari tempat pembuangan sisa bahan kimia berkenaan hingga ke hilir sungai.

“Lokasi utama yang dipercayai menjadi tempat pembuangan sisa kimia sudah dibersihkan. Kini,

yang perlu dibersihkan adalah aliran sungai ke hilir.

“Pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Johor Bahru yang diadakan semalam, semua agensi terbabit iaitu pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT) sudah dimaklumkan mengenai perkara berkenaan,” katanya selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes 1.0 Peringkat Negeri Johor 2019 di Taman Kota Masai, Pasir Gudang di sini, semalam.



LAMPIRAN 19
SUNDAY STAR (NATION): MUKA SURAT 14
TARIKH: 10 MAC 2019 (AHAD)

DOE suspects factory waste behind toxic fumes at river

By MOHD FARHAAN SHAH
and REMAR NORDIN
newsdesk@thestar.com.my

PASIR GUDANG: The Department of Environment (DOE) is facing a daunting task of identifying the culprit behind the chemical waste dump in Sungai Kim Kim here, which led to 79 people being treated after breathing in hazardous fumes.

The department believes that the waste might have come from some 30 factories located within the industrial area.

Deputy Energy, Technology, Science, Climate Change and Environment Minister Isnaraissah Munirah Majilis said this was the conclusion made based on the chemical samples collected by the DOE from the river.

"The chemical we found is in the form of thick black oil that comes from the dislodging activities of a ship or a chemical factory, one of the major industries here," she said.

Isnaraissah said this after a meeting with the DOE at the Pasir Gudang Municipal Council office here yesterday.

The DOE, she said, was currently carrying out morphological characteristic analysis, finger printing and substance profiling to identi-

fy the culprit.

The state Education Department has decided that SK Taman Pasir Putih and SM Taman Pasir Putih will continue to be closed today to allow for cleaning works.

The two schools are expected to open tomorrow.

State Health, Environment and Agriculture Committee chairman Dr Sahrudin Jamal said 79 cases were recorded since the incident on Thursday.

"We expect the clean-up to start in two days, covering a 1.3km stretch of Sungai Kim Kim. Although the location has been cleaned up, we still need to secure the surrounding area," he said.


Johor police chief Comm Datuk Mohd Khalil Kader Mohd said residents and family members of those affected by the fumes had lodged five police reports at the Seri Alam police district headquarters.

"Whoever is responsible has total disregard towards the safety of the community and the environment," he said.

Comm Mohd Khalil urged those with information or who had seen any suspicious vehicle near the location to immediately contact its hotline at 07-2212 999 or lodge a report.



LAMPIRAN 20
 NEWS STRAIT TIMES SUNDAY (FINDING SOLUTION): MUKA SURAT 47
 TARIKH: 10 MAC 2019 (AHAD)



*Desa Cinta
 homestay
 coordinator
 Emalia Rabin
 showing the
 bean sprouts
 that are dumped
 into the river at
 Kampung
 Kobuni in
 Inanam, Kota
 Kinabalu. PIC BY
 MALAI ROSMAH
 TUAH*

POLLUTION

BEAN SPROUTS DUMPED IN RIVER

HOMESTAY operators and villagers at Kampung Kobuni in Inanam, Kota Kinabalu want the authorities to take action against a factory owner for disposing of bean sprouts into a nearby river.

Desa Cinta homestay coordinator Emalia Rabin, 41, said food waste dumped by the factory owner had been polluting the river for the last few years.

“Their action not only pollutes the river, which emits a stench, but also affects people’s income.

“The river is a spot for tourism activities,” she said, adding that the community had lodged reports with the state Department of Environment, but no action had been taken.

Another homestay operator, Misinah Latif, 54, echoed Emalia’s concern about the deteriorating condition of the river.

“The river used to be so clean that villagers used it for bathing, but now it is full of worms which feed on the food waste.”

ACTIONLINE:

Inanam assemblyman Kenny Chua said officers from Kota Kinabalu City Hall and the Department of Environmental had checked the factory and polluted river.

“It was found that the owner had no licence. He had also violated laws on the environment.

“Action is expected to be taken against the owner, including closing his premises until he obtains a licence.”



LAMPIRAN 21
NEWS STRAIT TIMES (NATION / NEWS): MUKA SURAT 7
TARIKH: 10 MAC 2019 (AHAD)

Extreme hot weather expected up north

KUALA LUMPUR: Some areas in the north of the peninsula, especially Sik, Kedah, and Chuping, Perlis, are expected to experience high temperatures of up to 38 °C at the end of this month or early next month.

Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) National Weather and Geophysics Operations Centre director Dr Mohd Hisham Mohd Anip said temperatures were expected to peak following the northeast monsoon.

“When the heatwave reaches

its peak, the maximum temperature can exceed 37 °C to 40 °C for at least three consecutive days. This is common in Sik and Chuping,” he said yesterday.

Hisham said based on the status of the heatwave, eight areas in the northern states – Chuping in Perlis; Kota Setar, Pendang, Sik and Kulim in Kedah; Hulu Perak in Kuala Kangsar; and Kinta in Perak – were on heatwave alert, with maximum daily temperatures reaching 35 °C to 37 °C.

“Last month, only Chuping, Sik and Kota Setar were on heatwave

alert, but yesterday, the numbers increased to eight.”

However, Hisham said, peak temperatures were not expected to last and would return to normal during the monsoon transition phase next month or in early May, when rainfall would be 200mm to 300mm per month compared with the current 50mm per month.

He said the hot weather did not bring haze to the country as it usually did during the southwest monsoon season, when the wind blew from the direction of Suma-

tra or Kalimantan towards Malaysia between August and October.

“Right now, the wind is blowing from the South China Sea. In the event of a haze, it will probably be caused by local activities such as small fires,” he said.

According to the Department of Environment portal, up to 5pm, 56 stations recorded moderate Air Pollutant Index (API) readings of 51 to 100, while another 10 stations recorded a good API reading of below 50. **Berna-**

ma

LAMPIRAN 22
UTUSAN MALAYSIA (MUKA DEPAN): MUKA SURAT 1
TARIKH: 9 MAC 2019 (SABTU)



Pencemaran Sungai Kim Kim sudah berlarutan lama

KAMI SUDAH LALI

BERITA DI MUKA 2 & 3

- » Kes pembuangan toksik ke dalam Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor sudah lama berlaku.
- » Penduduk dakwa sungai itu sudah tercemar teruk, akibat kegiatan pembuangan sampah sejak beberapa tahun lalu.
- » Hampir setiap minggu air sungai ini bertukar kekuningan dan hitam tetapi kes pembuangan toksik Khamis lalu, adalah terburuk.
- » JAS syak pencemaran berpunca daripada pembuangan sisa minyak.



LAMPIRAN 22 (SAMB)
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 2
 TARIKH: 9 MAC 2019 (SABTU)

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 8 MAC

PENDUDUK Kampung Bukit Pulai, Pasir Gudang dekat sini sudah lali dengan kesan pencemaran di Sungai Kim Kim beberapa tahun yang lalu namun pembuangan sisa kimia pada malam kelmarin adalah yang terburuk.

Menurut Zulkifly Kassim, kesan pembuangan sisa kimia ke dalam sungai itu menyebabkan berlakunya pencemaran udara dipercayai gas metana hingga menjejaskan 200 penduduk di kampung dengan bau busuk dan air yang kotor.

Katanya, keadaan mereka lebih terjejas berbanding kampung lain kerana berada 300 meter daripada tempat sisa kimia dibuang dipercayai oleh sebuah lori tangki berhampiran kawasan pembinaan jambatan di sungai tersebut.

“Boleh dikatakan hampir setiap minggu air sungai ini bertukar menjadi kekuningan dan hitam. Cuma pencemaran kali ini jauh lebih teruk kerana mengeluarkan bau busuk yang kuat hingga terasa pening, loya dan muntah-muntah.

“Walaupun sudah dua hari berlalu, bau busuk itu masih ada setelah sisa kimia yang dibuang ke dalam sungai melekat di tebing,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam, seramai 1,400 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih, diarah mengosongkan



Sudah lama Sungai Kim Kim tercemar

‘Kami sudah lali’

kawasan sekolah kerana terdapat pelajar mengalami sesak nafas, muntah dan pengsan selepas terhidu gas dipercayai dari bahan kimia yang dibuang ke dalam Sungai Kim Kim.

Setakat ini, seramai 39 mangsa termasuk 21 pelajar SMK Pasir Putih dan SK Pasir Putih serta orang awam sedang dirawat di Hospital Sultan Ismail selepas terhidu gas tersebut.

Zulkifly berkata, sungai yang

berada kira-kira 50 meter dari rumahnya itu dahulu mempunyai banyak hidupan air seperti ketam, udang dan ikan sebelum dicemari oleh pihak tidak bertanggungjawab.

“Sejak menetap di sini pada 2004, air sungai ini jernih dan mempunyai banyak hidupan air dan menjadi punca pencarian pemancing di sini. Bagaimanapun, sejak kawasan perindustrian mula membangun di ka-



ZULKIFLY KASSIM menunjukkan kesan sisa bahan buangan berjadual yang mencemarkan Sungai Kim Kim di Kampung Bukit Pulai, Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

wasan ini, kualiti air semakin buruk. Malah keadaan sungai juga mula berubah menjadi cetek dan kotor. Kami sudah lali dengan bau busuk dan keadaan air sungai yang semakin kotor,” katanya.

Katanya, dia sudah buat laporan polis di Balai Taman Pasir Putih kira-kira 11 malam tadi selepas kejadian itu namun masih belum ada tangkapan dilakukan oleh pihak berkuasa.



LAMPIRAN 22 (SAMB)
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 2
TARIKH: 9 MAC 2019 (SABTU)

Minyak cuci kapal punca pencemaran – JAS

JOHOR BAHRU 8 Mac - Bahan yang dibuang secara haram oleh sebuah lori di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang kelmarin dipercayai minyak daripada pencucian tangki kapal yang mengandungi gas metana dan benzena.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Datuk Dr. Mohammad Ezanni Mat Salleh berkata, ia adalah hasil siasatan awal diperolehi pihaknya daripada sampel yang diambil di sungai berkenaan. Keputusan sampel yang diambil JAS semalam sudah diserahkan kepada Jabatan Kimia Johor untuk dianalisis.

Ini adalah kali pertama kejadian pembuangan bahan minyak daripada pencucian tangki kapal dibuang ke sungai berkenaan. Hasil siasatan awal kita mendapati bahan yang dibuang itu dipercayai minyak

kapal yang mengandungi benzena dan metana.

“JAS Johor sudah pun menghantar sampel yang diambil ke Jabatan Kimia dan kita minta mereka proses seberapa segera. Kita jangka minggu depan boleh dapat keputusan tersebut,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohammad Ezanni berkata, pihaknya turut bekerjasama dengan Pelabuhan Johor bagi mengenal pasti dalang di sebalik insiden pembuangan sisa bahan haram di sungai tersebut sehingga menjejaskan 39 individu setakat ini.

Selain itu, tambahnya, kerjasama dengan pelbagai pihak turut dilakukan termasuk melakukan pemantauan 24 jam di kawasan itu.

“Kita sedang siasat dan kita bekerjasama dengan Johor Port

(Pelabuhan Johor) untuk mencari mana-mana kapal yang ada berlabuh di kawasan pelabuhan terlibat pada malam kejadian dan kerjasama turut diperolehi daripada kilang berhampiran,” katanya.

Beliau berkata, kerja pembersihan di sungai berkenaan masih diteruskan antaranya dengan menggunakan *VOC Gas Detector* bagi mengesan sebarang kehadiran gas-gas kimia di kawasan terlibat.

Pada masa sama, beliau turut menyeru kepada orang awam yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu termasuk melihat lori tangki yang disyaki membuang bahan berkenaan diminta menghubungi pihak JAS di talian 24 jam 1 800 88 2727 atau kaunter khidmat pelanggan JAS Johor di talian 011-27544925.

LAMPIRAN 23
NEWS STRAIT TIMES (NEWS): MUKA SURAT 9
TARIKH: 9 MAC 2019 (SABTU)

TOXIC FUMES

'IT SMELLED LIKE PETROL, BURNT TYRE'

39 in hospital as
Johor DoE chief
says marine fuel
may be the source

RIZALMAN HAMMIM
JOHOR BARU
rizalman@nst.com.my

A HOMEMAKER living near Sungai Kim Kim, where a tanker purportedly dumped chemical waste on March 6, said she detected a *bau busuk* (stench) around 3am on Thursday and thought it was coming from an air-conditioner that had broken down.

"I also checked the kitchen because I thought the gas was leaking. When I switched on the fan to disperse the smell, it just got worse, like the smell of petrol or burnt tyre," said Echa Paoh, 42, whose son, Harry Martin Ebom, 17, from SMK Taman Pasir Putih, was admitted to Hospital Sultan Ismail (HSI) after inhaling the pungent fumes.

She said she couldn't go back to sleep after that because her throat felt parched and itchy.

"My husband felt the same. But the next morning, my son went to school and used a route near Sungai Kim Kim. About 10.30am, however, a teacher sent me a WhatsApp message to pick him up," she said as reported by Bernama.

Echa was in the hospital as Deputy Education Minister Teo

Nie Ching visited the victims.

She said she rushed to the school but was told Harry had been taken to hospital.

Harry said his class was supposed to have physical education when the teacher cancelled it because of the stench.

"Right after the teacher said that we should go home, I started feeling nauseous and vomited. I was taken by ambulance to HSI. Today, I feel a bit better," he said.

Intisaar Nazihah Mohd Nazri, 16, said she only felt sick after returning from school.

She said she and her friends noticed the stench, but they did not think anything of it.

"Then, at 10.30am, a teacher instructed us to assemble downstairs. I saw a few students lying down and some had fainted.



Deputy Education Minister Teo Nie Ching speaking with Intisaar Nazihah Mohd Nazri during a visit to schoolchildren affected by toxic fumes at Hospital Sultan Ismail in Johor Baru yesterday. PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

"I was worried about my sister, Insierrah Nazirah, 11, a pupil of SK Pasir Putih. Thankfully, she was alright but I felt nauseous and started vomiting at 10.30pm.

"My mother then took me to the hospital and at 1.30am, I was hospitalised," said Intisaar.

As of now, 39 people, including 21 schoolchildren from the two schools, are being treated at HSI.

Johor Department of Environment director Datuk Dr Mohamad Ezzani Mat Salleh said the stench could have originated from marine fuel.

This, he said, was because samples taken from the river showed traces of benzene and methane.

"We are trying to identify the culprits of the dumping. We are monitoring the area to see if they might return. We have posted 10 officers to do that."

He said the department was also taking samples from 30 factories nearby to check if they matched the chemicals found in the river.

Ezzani said those who dumped the chemicals faced a maximum penalty of five years' jail or a RM500,000 fine, or both if convicted.

"We are urging anybody who might have seen anything suspicious to contact us at our 24-hour hotline at 1-800-882727," he said.

LAMPIRAN 24
BERITA HARIAN (ISU): MUKA SURAT 16
TARIKH: 9 MAC 2019 (SABTU)

6 mangsa dirawat secara intubasi elektif

➔ Paru-paru, pernafasan dikawal, pastikan bersih daripada toksik

Oleh Balqis Jazimah Zahari, Nurul Amanina Suhaini dan Izlaily Nurul Ain Hussein
bhnews@nstp.com.my

► IpoH

Enam daripada 39 mangsa yang terhidu gas metana dibuang secara haram ke dalam Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor, kelmarin, diberi rawatan rapi secara intubasi elektif iaitu membersihkan paru-paru mereka daripada gas toksik.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata enam mangsa ketika ini ditempatkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultan Ismail (HSI), Johor Bahru dan berada dalam keadaan stabil.

"Tiga daripada enam mangsa ini sudah diberi intubasi elektif supaya kita kawal paru-paru dan pernafasan mereka bagi memastikan mereka bersih daripada gas toksik yang boleh merosakkan paru-paru.

"Mereka dalam keadaan yang baik, manakala tiga lagi mangsa hanya diberi perhatian khusus saja dalam ICU, tetapi belum diberikan intubasi lagi," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Persidangan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan 2019 di

Institut Latihan Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta, di sini, semalam.

Akhbar sebelum ini melaporkan ada saksi mendakwa ternampak lori tangki berhampiran jambatan di tepi Sungai Kim Kim menyalurkan sesuatu menggunakan hos ke dalam air.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Datuk Yahaya Madis dilaporkan, berkata kejadian didakwa dilakukan sekitar jam 2 pagi kelmarin.

Arah kosongkan sekolah

Melalui laporan itu, kawasan tercemar membabitkan lingkungan jarak 500 meter dari sungai sepanjang 1.5 kilometer yang mengalir ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih.

Berikutan itu, 1,400 pelajar SMK Taman Pasir Putih dan SK Taman Pasir Putih diarahkan mengosongkan kawasan sekolah itu pagi kelmarin apabila beberapa pelajar muntah dan pengsan selepas terhidu gas metana.

Dr Noor Hisham berkata, setakat ini 30 mangsa masih ditempatkan dalam wad di hospital berkenaan, manakala tiga lagi dibenarkan pulang pagi semalam.

Bau seperti minyak tanah

Beliau berkata, semua mangsa stabil, namun tahap pernafasan masih perlu dipantau bagi melihat sebarang kesan keracunan gas.

Katanya, daripada 36 pesakit sedang dirawat itu, dua daripadanya adalah kanak-kanak, lapan murid sekolah rendah, 13 pelajar sekolah menengah dan 13 orang dewasa.



Dr Noor Hisham merasmikan program Persidangan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan 2019 di Institut Latihan Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta, semalam.

Sementara itu, di Pasir Gudang, pelajar SMK Pasir Putih, Nazifah Mohd Nazri, 16, berkata bau gas dihidu sangat kuat seperti bau minyak tanah, menyebabkannya berasa mual dan muntah sejak petang kelmarin dan dimasukkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI) jam 10.30 malam kelmarin.

"Saya dan rakan sekelas terpaksa menutup hidung kerana tidak tahan dengan bau yang kuat itu. Kami kemudian diarah keluar kelas untuk berkumpul di pekarangan sekolah dan sebaik keluar, saya melihat beberapa rakan muntah dengan ada yang pengsan," katanya di HSI, semalam.

Penduduk Echa Paoh, 42, berkata dia terjaga daripada tidur kira-kira jam 2 pagi kelmarin selepas terhidu bau gas dan menyangka pendingin hawa rumah atau dapurinya rosak.

"Saya kemudian terasa sakit tekak, namun tidak mengesyaki apa-apa. Bagaimanapun, saya terkejut selepas menerima panggilan dari sekolah kira-kira jam 11 pagi meminta datang mengambil anak kerana semua pelajar dibenarkan pulang, tetapi anak saya sudah dihantar ke HSI," katanya.

"Saya dan rakan sekelas terpaksa menutup hidung kerana tidak tahan dengan bau yang kuat itu. Kami kemudian diarah keluar kelas untuk berkumpul di pekarangan sekolah dan sebaik keluar, saya melihat beberapa rakan muntah dengan ada yang pengsan," katanya di HSI, semalam.

Lupus tak ikut prosedur

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Datuk Dr Muhammad Ezani Mat Salleh pula berkata, pihaknya mengenal pasti bahan kimia dibuang dalam Sungai Kim Kim itu adalah minyak digunakan untuk mencuci kapal.

Katanya, siasatan awal pihaknya mendapati minyak sudah digunakan itu dibuang secara haram dipercayai untuk menjimatkan kos pelupusan.

"Sisa minyak digunakan untuk mencuci kapal ini sepatutnya dilupuskan mengikut prosedur sepatutnya, tetapi pihak tidak bertanggungjawab mengambil jalan mudah membuangnya di sungai.

"Kita belum tahu identiti pihak bertanggungjawab, namun sudah mengenal pasti kira-kira 30 kilang menghasilkan sisa bahan kimia berhampiran sungai itu. Kita akan jalankan pemeriksaan dan siasatan lanjut menggunakan sampel bahan kimia yang diambil di sungai itu," katanya di sini, semalam.

LAMPIRAN 25
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10
TARIKH: 9 MAC 2019 (SABTU)



PELAJAR SMK Taman Pasir Putih, Harry Martin Ebom, 17, kelihatan stabil selepas dirawat di HSI.

JAS buat siasatan menyeluruh ke atas 30 kilang berhampiran Sungai Kim Kim

Izaily Nurul Ain Hussein dan Nurul Amanina Suhaini am@hmetro.com.my

Johor Bahru

Gas beracun terhasil yang menyebabkan puluhan mangsa terlarut di zon merah dan zon kuning di hospital terjawab apabila ia dikenal pasti sebagai sisa minyak aktiviti mencuci kapal. Setakat ini Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor sudah mengenal pasti kira-kira 30 kilang yang disyaki menghasilkan sisa bahan kimia berhampiran Sungai Kim Kim di sini, yang menjadi punca pencemaran gas metana kelmarin.

Pengaruhnya, Datuk Dr Muhammad Ezani Mat Salleh berkata, pihaknya menjalankan siasatan secara menyeluruh bagi mengesan pihak yang melepaskan sisa kimia beracun berkenaan di sungai itu.

"Siasatan menyeluruh sedang dijalankan 24 jam dan 30 kilang sudah dikenal pasti.

"Kami akan periksa kilang mana yang menghasilkan sisa bahan kimia sama dengan sampel bahan kimia yang dijumpai di sungai terbahit," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati bahan yang



LAPORAN Harian Metro, semalam.

Kami akan periksa kilang mana yang menghasilkan sisa bahan kimia sama dengan sampel bahan kimia yang dijumpai di sungai terbahit"

Dr Muhammad Ezani

dibuang ke sungai terbahit adalah sisa minyak daripada aktiviti mencuci kapal. "Pihak tidak bertanggungjawab ini ambil jalan mudah, hendak buang sisa bahan ini, buang sahaja di tepi sungai.

"Kami akan terus cari siapa pelakunya," katanya yang mendakwa pernah menerima aduan penduduk berhubung aktiviti kilang berhampiran, namun insiden pembuangan

sisa bahan kimia itu yang pertama direkodkan.

Dr Muhammad Ezani berkata, pemantauan dan bacaan udara juga dilakukan 24 jam di lokasi berkenaan bagi menyukat paras udara sama ada masih wujud gas metana atau tidak.

Beliau meminta kerjasama orang awam yang mempunyai maklumat berhubung insiden itu supaya menghubungi JAS bagi membantu siasatan.

"Untuk kenal pasti suspek memang sukar, jadi kami perlukan kerjasama orang ramai. Kita minta Jabatan Kimia juga kenal pasti cap jari.

"Orang ramai boleh menghubungi talian 24 jam 1-800-88-2727 untuk menyalurkan maklumat," katanya.

SUSULAN GAS BERACUN

SISA MINYAK CUCI KAPAL



SAMPEL kimia yang dianalisis didapati datang daripada sisa minyak aktiviti mencuci kapal.

Pekerja kolam pancing pengsan

Johor Bahru: Seorang pekerja kolam memancing di jalan Cermat 2, Taman Kota Masai di sini, terpaksa dikejarkan ke Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini, awal pagi semalam, selepas pengsan kesan terhidu bau gas metana.

Pekerja wanita berusia 30-an itu yang bekerja shift malam pengsan ketika sedang duduk di kolam memancing itu.

Salah seorang pekerja kolam memancing itu yang enggan dikenali berkata, mangsa sebelum itu ada meronda mengelilingi kawasan kolam dan mendakwa terhidu bau kurang menyenangkan.

"Sebenarnya kawasan kolam memancing ini tidaklah terlalu dekat dengan sungai Kim Kim, Pasir Gudang lalu tempat pembuangan cecair metana dilakukan pagi kelmarin,

"Mungkin angin membawa bau gas tercemar itu menyebabkan pekerja terbahit mengalami keracunan.

"Bagaimanapun seorang lagi rakan pekerja dan beberapa pemancing yang turut berada di kolam tidak mengalami simptom sama," katanya.

Terdahulu, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Johor, Datuk Yahaya Madis berkata, mangsa yang pengsan itu disyaki mempunyai kaitan dengan insiden tumpahan bahan kimia, kelmarin.

"Kami menerima panggilan kecemasan pada jam 2.11 pagi dan pemanggil memaklumkan terdapat bau kurang menyenangkan di kawasan rumah

berdekatan kolam memancing itu.

"Terdapat seorang mangsa pengsan dipercayai terhidu bahan kimia. Mangsa dihantar ke HSI dan Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT) diarahkan membuat pemantauan di lokasi bagi mengenal pasti punca kejadian," katanya.

Bagaimanapun hasil pemeriksaan HAZMAT di kawasan kolam memancing dan kawasan

mangsa dijumpai pengsan mendapati bacaan udara di dua lokasi itu tiada pencemaran dan berada pada paras bacaan selamat.



YAHAYA

LAMPIRAN 26 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 11 TARIKH: 9 MAC 2019 (SABTU)



FOTO: HAIRUL ANUAR RAHIM

Johor Bahru

Bau seakan-akan minyak tanah

"Tekak saya mula rasa loya hingga muntah sebelum ibu membawa ke hospital kira-kira jam 10.30 malam tadi (kelmarin)," kata remaja, Intisaar Nazihah Mohd Nazri, 16.

Dia adalah antara pesakit baharu yang dimasukkan ke wad Hospital Sultan Ismail (HSI), semalam susulan kejadian keracunan gas metana yang berlaku di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang kelmarin.

Intisaar Nazihah berkata, dia dimasukkan ke wad selepas kesihatannya menurun dipercayai kesan gas metana dihidunya di sekolah pagi kelmarin.

"Kesan sampingan mula dirasai pada waktu petang semalam (kelmarin) apabila saya berasa loya dan mual.

"Tidak sangka saya antara pelajar yang terpaksa ditahan di wad akibat kejadian keracunan gas itu," katanya.

Mengulas lanjut mengenai kejadian itu katanya, dia yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih hanya bimbang keadaan adiknya yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih.

"Adik perempuan saya, Insiyerra Nazirah, 11, yang bersekolah di sebelah SK Taman Pasir Putih, pergi ke sekolah bersama saya

pada pagi kejadian.

"Kami menghidu bau kuat seakan-akan minyak tanah. Rakan sekelas tidak panik cuma masing-masing tutup hidung dan hanya duduk terdiam," katanya ditemui di wad HSI semalam.

Katanya, pada jam 10.30 pagi kelmarin, guru sekolah mengarahkan pelajar keluar kelas dan berkumpul di kawasan lapang berhampiran sekolah itu.

"Tiba-tiba saya nampak ada dua kawan yang terbaring, ada juga yang pengan. Saya tidak sangka kebocoran pada gas perkakasan elektrik sekitar jam 2 pagi kelmarin.

"Kira-kira jam 3 pagi, kerongkong saya terasa sakit dan tekak mula kering.

"Keesokan harinya, anak saya, Harry Martin Anak Ebon, 17, ke sekolah seperti biasa, namun tiba-tiba saya menerima panggilan daripada pihak sekolah mengarahkan supaya membawa pulang anak.

"Bagaimanapun, setibanya di sekolah, ada petugas perubatan memaklumkan anak saya sudah dimasukkan ke hospital," katanya.

Johor Bahru

Semua 39 mangsa stabil

Seramai 39 mangsa yang masih dirawat di Hospital Sultan Ismail (HSI) di sini, sejak kelmarin, akibat terhidu gas dipercayai metana dilaporkan dalam keadaan stabil.

Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching berkata, daripada jumlah itu, 21 mangsa adalah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih dan Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Putih.

Katanya, dua daripada pelajar SMK Pasir Putih berada di unit rawatan rapi (ICU), manakala dua lagi membabitkan orang awam iaitu pengusaha kantin dan pemandu ambulans yang ditempatkan di wad sama.

"Semua 39 mangsa berusia antara lima hingga 44 tahun masih ditempatkan di HSI.

"Mereka dilaporkan stabil namun masih dalam pemantauan rapi dan di bawah pengawasan.

Bagaimanapun, tiada mangsa dalam kalangan warga emas setakat ini," katanya selepas mengadakan lawatan di HSI, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Perubatan II, Dr Surya Marsom.

Nie Ching berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi mengenal pasti kilang yang bertanggungjawab membuang sisa kimia ke dalam sungai.

Katanya, tindakan tegas perlu diambil kepada pihak berkenaan berikutan insiden itu adalah insiden yang membahayakan nyawa.


"Ini bukan kali pertama, kejadian seumpama ini pernah berlaku di Klang pada tahun lalu, namun tidak seteruk ini," katanya.

Sementara itu, Surya berkata, sebahagian mangsa akan dibenarkan pulang memandangkan keadaan pesakit kian stabil.



TEO bertanya khabar kepada Intisaar Nazihah yang dirawat di Hospital Sultan Ismail akibat terhidu bahan kimia di Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, semalam.

LAMPIRAN 27 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 12 TARIKH: 9 MAC 2019 (SABTU)



SISA bahan kimia yang masih bertakung di sungai belakang rumah penduduk Kampung Bukit Pulai.

Izlaily Nurul Ain Hussein
izlaily@metro.com.my

Johor Bahru

Seminggu sekali, air sungai ini pasti bertukar warna (kesan pencemaran). Penduduk sudah lali dengan bau busuk. Tetapi pencemaran kali ini (pembuangan sisa metana) paling teruk," kata Zulkifly Kassim, 50. Dia adalah penduduk Kampung Bukit Pulai, Pasir Gudang di sini, yang terjejas berikutan kam-pung berkenaan lokasi pertama dilalui aliran air Sungai Kim Kim yang menuju ke laut. Bapa kepada lima cahaya mata itu berkata, pencemaran ber-punca dari kawasan per-industrian menyebabkan hidupan di sungai itu pupus. Katanya, lebih 200 penduduk di kampung berke-naan yang terkesan dengan insiden itu dan rata-rata me-reka tidak dapat tidur lena pada malam hari kejadian. "Kami syak mereka (pe-laku) buang (sisa kimia) da-lam jam 11.30 malam Rabu

lalu, berikutan penduduk sudah mula menghidu bau busuk pencemaran kimia sekitar jam 12 tengah malam hingga 1 pagi kelmarin. "Kami ada pergi melihat lokasi kejadian pembuangan sisa kimia itu pagi semalam (kelmarin) sebelum mene-mui kesan tayar di lokasi jambatan dalam pembinaan itu," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian. Katanya, air sungai di ka-wasan itu juga sudah mula hitam, menyebabkan pen-duduk kampung menghu-bungi polis sebelum bomba turut dimaklumkan. "Selepas siasatan dilakukan pihak bomba, baru-lah kami tahu bahan yang dibuang ini menghasilkan gas beracun sekali gus memberi kesan buruk pada kesiha-tan penduduk kampung," katanya. Dia turut membuat la-poran polis di Balai Polis Taman Pasir Putih, semalam, berikutan tiada tangkapan di-buat ke atas pelaku yang bertanggungjawab itu. Sebagai wakil penduduk, pemilih bengkel itu berharap pihak berwajib dapat men-dalamkan dan meluruskan sungai berkenaan.

FAKTA
Penduduk gesa pihak berwajib dalamkan dan luruskan sungai



ZULKIFLY menunjukkan sisa bahan kimia yang masih bertakung dan menghasilkan bau di sungai belakang rumahnya.

HIDU BUSUK TENGAH MALAM

■ 200 penduduk tercium bau jam 12 tengah malam di Kampung Bukit Pulai tak lena tidur

"Penduduk sangat berha-rap orang yang tidak ber-tanggungjawab yang mem-buang bahan kimia ini dapat dikesan dan ditahan," ka-tanya. Seorang lagi penduduk

kampung, Mohd Zaki Hitam, 50, berkata, keadaan sungai di belakang rumahnya itu beransur pulih, namun ma-sih terdapat bau menyucuk hidung. Kata guru itu, dia juga me-

ngehadkan aktiviti berikutan bimbang anca-man gas beracun itu. "Walaupun sudah pulang ke rumah, saya masih me-nasihati anak-anak untuk tidak bermain di luar," ka-tanya.

berikutan bimbang anca-man gas beracun itu. "Walaupun sudah pulang ke rumah, saya masih me-nasihati anak-anak untuk tidak bermain di luar," ka-tanya.

Kualiti udara beransur pulih



Johor Bahru: Kualiti udara di kawasan terjejas berikutan kehadiran gas beracun metana berpunca pembuangan bahan ki-mia di Sungai Kim Kim, Pasir Gu-

ndang di sini, semakin beransur pu-lih. Ia dapat dilihat melalui alat bacaan paras udara digunakan juruteknik Bahagian Teknikal, syarikat perunding keselamatan dan kesihatan, Progressive Safety Equipment Sdn Bhd yang dilantik Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor. Wartawan Harian Metro yang meninjau lokasi tempat pembuangan sisa bahan kimia di sungai itu mendapati beberapa pegawai dari JAS, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) mengadakan pemantauan. Juruteknik dilihat berada di lokasi pembuangan bahan kimia untuk mengambil bacaan paras udara bagi menentukan kehadiran gas metana di kawasan itu. Alat bacaan paras udara itu dilihat mempamerkan angka sifar sekali gus menunjukkan tiada lagi kehadiran gas metana dan udara didapati dalam keadaan selamat. Tinjauan ke kampung berhampiran pula mendapati

penduduk berusaha melindungi diri dengan memakai topeng ketika berada di luar rumah mahupun ketika berada di lokasi kejadian. Penduduk dilihat memakai topeng penutup hidung kerana bimbang terhidu bau kimia dari sungai itu. Tinjauan mendapati kesan bahan kimia masih bertakung dan melekat di Kampung Bukit Pulai, Pasir Gudang yang terletak kira-kira 300 meter dari lokasi kejadian. Air sungai yang mengalir juga turut menampakkan tompokan hitam dipercayai minyak atau sisa bahan kimia terbabit. Pasukan Bomba dan Penyelamat Pasir Gudang dan Pasukan Khas Pengurusan Bahan Berbahaya (HAZMAT) bomba juga sudah tidak berada di lokasi kejadian memandangkan operasi ditamatkan pada jam 8.30 malam kelmarin. Bagaimanapun, pihak bomba berada dalam keadaan beristirahat selepas ada panggilan susulan daripada penduduk setempat berkenaan kes bahan kimia itu.

ALAT bacaan paras udara menunjukkan angka sifar.



LAMPIRAN 28
NEWS STRAIT TIMES (NEWS): MUKA SURAT 49
TARIKH: 9 MAC 2019 (SABTU)

ILLEGAL SITE

CLINICAL WASTE FIND AT LANDFILL

Negri Sembilan DoE in bid to trace errant contractor involved in disposal

RAJA NORAINA RAJA RAHIM
SEREMBAN
rnoraina@hmetro.com.my

CLINICAL waste such as blood tubes and filters or dialysers used in dialysis treatments were among the items found at an illegal landfill site in Kampung Felda Sendayan here.

The discovery was made by a team from the **Negri Sembilan Department of Environment (DoE)** that conducted an investigation upon receiving complaints from the public last Tuesday.

State Health, Environment, Cooperatives and Consumerism committee chairman S. Veerapan said an immediate check was conducted by the DoE and the state Health Department.

"The inspection found 11 suspected clinical waste packages from dialysis activities at the site.

"We suspect that the waste was illegally disposed by an appointed contractor.

"Based on the investigation, there are 29 haemodialysis centres in the state and we are identifying all the treatment centres to find out where the waste came from," he said during a press conference, here yesterday.

Veerapan said initial investigation also found one haemodialysis centre in Seremban 2 and the waste management contractor it hired to dispose waste at the site.

The contractor is said to hold a licence from DoE, but was disposing waste at an illegal landfill. However, Veerapan said, further investigations were still ongoing to detect other treatment centres and contractors believed to be involved.

"The DoE has issued notice in accordance with Section 31 and 37 of the Environmental Quality Act 1974 to order suspected premises to carry out cleaning of the clinical waste until the investigation is completed. If the waste is not cleaned, we fear that it may endanger wild animals such as monkeys and dogs that roam the area. This could also pose risks to nearby residents," said Veerapan.

He said the case would be investigated under Section 34B (1) (a) of the Environmental Quality Act 1974, which provides a jail term of up to five years and maximum fine of RM500,000 upon conviction.



State Health, Environment, Cooperatives and Consumerism committee chairman S. Veerapan (right) and a team from the Department of Environment inspecting the illegal dump site in Kampung Felda Sendayan in Negri Sembilan yesterday. PIC COURTESY OF DOE



LAMPIRAN 29 NEWS STRAIT TIMES (NEWS): MUKA SURAT 50 TARIKH: 9 MAC 2019 (SABTU)

Farmers, fishermen in Melaka stretched dry

MELAKA: Farmers and fishermen in the state are sweating it out as the weather heats up and they are bringing less home.

Vegetable farmer Yusof Selamat, 45, from Kampung Lancang in Jasin, near here, said when the weather was good, he could earn as much as RM2,000 a month. But with the current hot spell, his income has dropped by 40 per cent.

"I am facing rising costs this season, especially water bills, because when the weather is good, I do not have to water my plants often. I have to fork out RM200 a month for water bill now, when I paid only about RM100 each month before this."

Bername reported Meteorological Department deputy director-general Jailan Simon as saying that the monsoon season would begin at the end of this month and the hot weather would cool

down by the end of next month.

Yusof said *sawi*, *kangkung*, *kacang panjang* and *bayam* were popular vegetables among consumers, but he had to change what to plant due to the dry spell.

"During the hot season, it is difficult to maintain cultivation of *sawi* and *kacang panjang* as they need a lot of water. I can only plant *kangkung* and *bayam*, which need little water."

Farmer Mohamad Jiwa Ami, 40, from Merlimau Pantai in Jasin said he was worried that his plants were producing smaller chillies and the plants appeared to wilt faster.

Jiwa plants centil chillies and during good weather, he can harvest 50kg when the chillies mature every 10 days, but this has dropped to 20kg as the chillies were smaller and over-ripe. "Of late, the plants and chillies

are small. I am worried that if the hot weather continues, the plants will die. I am suffering losses as the costs are increasing, especially the water bills."

He said besides the increasing water bills, he also had to add more fertilisers and brown sugar to treat his plants.

Fisherman Noorsham Ahmad, 44, from Pantai Siring in Jasin said his earnings had been affected by choppy seas and rising sea temperatures.

He said when the weather was good, he could go out to sea 20 to 22 times a month, but with choppy seas, he had to spend more time on land.

"The hot weather is causing fishermen to lose half of their income as they cannot go out to sea as often as before.

"Choppy waters as well as dry and hot weather can be risky to fishermen," he said.



A farmer watering his farm in Melaka yesterday. BERNAMA PIC

State Agriculture, Entrepreneur Development, Agro-Based Industry and Cooperatives Committee chairman Norhizam

Hassan Baktee said he would meet the farmers soon to learn more about their problems. Bernama

**LAMPIRAN 30
KOSMO! (RUANGAN NIAGA): MUKA SURAT 45
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)**

TNBX dan JKR laksana inisiatif pengurusan tenaga

KAJIAN. Tenaga Nasional Bhd. (TNB) menerusi anak syarikat milik sepenuhnya, TNBX Sdn. Bhd. (TNBX) bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam menjalankan kajian kemungkinan terhadap pemasangan bumbung solar di bangunan JKR menerusi program Pembelian Tenaga Solar TNB.

Kajian tersebut merupakan salah satu daripada lima bidang kerjasama yang dimeterai di bawah memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua belah pihak.

Pengarah Urusan TNBX, Ir. Nirinder Singh Johl berkata, melalui MoU tersebut, syarikat itu akan melabur, mereka, membuat pemasangan dan menyenggara sistem solar fotovolta di bangunan



NIRINDER (tiga dari kanan) bertukar dokumen perjanjian dengan Timbalan Ketua Pengarah JKR, Ir. Kamaluddin Abd. Rashid di Pulau Pinang kelmarin.

JKR dalam tempoh kontrak 20 hingga 25 tahun.

“Diharapkan inisiatif yang dilaksanakan ini akan meningkatkan kesedaran terhadap keperluan dalam pengurusan tenaga di Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan akhbar dikeluarkan di sini semalam.

LAMPIRAN 31
NEWS STRAIT TIMES (BUSINESS): MUKA SURAT 20
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

TNB, PWD ink solar power collaboration

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd (TNB), through its wholly-owned subsidiary TNBX Sdn Bhd, is undertaking a feasibility study on the installation of rooftop solar on Public Works Department (PWD) buildings under the TNB Solar Energy Purchase Programme.

The study is one of five areas of collaboration both parties are considering under a three-year memorandum of understanding (MoU) signed yesterday.

The non-binding and non-exclusive MoU was signed by TNBX managing director Nirinder Singh Johl and PWD deputy director-general (specialist sector) Kamaluddin Abdul Rashid.

Nirinder said the MoU would allow both parties to jointly address energy management issues.

"Hopefully, the initiative will raise greater awareness for energy management in Malaysia," he said in a statement yesterday.

Under the MoU, TNB will invest, design, install and maintain the solar photovoltaic (PV) sys-

tem on PWD buildings throughout a 20- to 25-year contract period.

With the installation of the rooftop solar PV system, PWD will be able to enjoy clean electricity at zero capital upfront cost.

PWD will also be billed for the electricity generated from the solar PV system at a rate that is lower than TNB's normal electricity tariff.

In addition, PWD can sell excess energy generated back to TNB under the Net Energy Metering scheme.

Hence, through the proposed TNB Solar Energy Purchase Programme, PWD will benefit from clean electricity to meet its carbon reduction target without incurring any capital and gain from immediate overall electricity cost savings with minimal risk.

TNB is targeting to generate 1,700MW of renewable energy by 2025, in line with the government's target of generating 20 per cent of electricity via renewable energy sources by 2030.

Bernama



LAMPIRAN 32 THE SUN (SUN BIZ): MUKA SURAT 13 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

TNB, PWD ink renewable energy collaboration

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd (TNB), through its wholly owned subsidiary, TNBX Sdn Bhd (TNBX) and the Public Works Department (PWD) are undertaking a feasibility study on the installation of rooftop solar on PWD buildings under TNB Solar Energy Purchase Programme.

The study is one of the five areas of collaboration that both parties are considering under a memorandum of understanding (MoU) signed yesterday.

The non-binding and non-exclusive three-year MoU was

signed by TNBX managing director, Ir. Nirinder Singh Johl while PWD was represented by deputy director-general (specialist sector), Ir. Kamaluddin Abdul Rashid.

Ir. Nirinder described the signing of the MoU as a teamwork of two like-minded entities, keen to address energy management issues.

"Hopefully, this initiative will raise awareness for a greater need for energy management in Malaysia," he said in a statement.

Under the MoU, TNB would invest, design, install and maintain the solar PV system on PWD



buildings throughout a 20 to 25 year contract period. With the installation of the rooftop solar photovoltaic (PV) system with TNBX, PWD would enjoy the benefits of clean electricity at zero capital upfront cost.

PWD would also be billed for the electricity generated from the solar

PV system at a rate that is lower than the normal TNB electricity tariff. In addition, PWD can sell any excess energy generated from the solar PV back to TNB under the Net Energy Metering scheme.

Hence, through this proposed TNB Solar Energy Purchase Program, PWD would benefit from clean electricity to meet its carbon reduction target without incurring any capital and gain from immediate overall electricity cost savings at minimal risk.

Both parties also seek mutual benefits in four other areas namely,

promotion of green technology by focusing on joint intentions in public awareness and outreach; smart nation by embarking on industrial revolution 4.0 smart city solutions; precision operation by optimising asset management; and research excellence by conducting continuous research initiatives in renewable energy (RE) technology.

TNB is targeting to generate 1,700MW of RE by 2025 which would be in line with the government's target of generating 20% of RE resources by 2030. – Bernama



LAMPIRAN 33
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 63
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

TNB, JKR buat kajian pasang bumbung solar

Jabatan Kerja Raya bakal nikmati faedah bersih elektrik kos sifar modal

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB), menerusi anak syarikatnya, TNBX Sdn Bhd (TNBX) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) sedang melaksanakan kajian daya maju untuk memasang bumbung solar di bangunan JKR di bawah Program Pembelian Tenaga Solar TNB.

Kajian berkenaan adalah satu daripada lima bidang kerjasama

menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai antara kedua-dua pihak

TNB pasang PV

MoU itu dimeterai oleh Pengarah Urusan TNBX, Ir Nirinder Singh Johl, manakala JKR diwakili oleh Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar), Ir Kamaluddin Abdul Rashid.

Menerusi MoU itu, TNB akan melabur, mereka bentuk, memasang dan menyelenggara sistem fotovoltaik solar (PV) di bangunan



Nirinder Singh (tiga dari kanan) dan Kamaluddin bertukar dokumen pada majlis memeterai perjanjian di Kuala Lumpur, semalam.

JKR sepanjang tempoh kontrak selama 20 hingga 25 tahun.

Dengan pemasangan sistem bumbung PV dengan TNBX, JKR akan menikmati faedah bersih elektrik pada kos sifar modal terdahulu.

JKR juga akan dibikan bagi elektrik yang dijana daripada sistem PV solar pada kadar yang lebih rendah daripada tarif elektrik biasa TNB.

Di samping itu, JKR boleh menjual sebarang tenaga berlebihan yang dijana daripada PV solar kembali ke TNB di bawah Skim Meter

Tenaga Bersih (NEM).

Justeru, menerusi Program Pembelian Tenaga Solar TNB ini, JKR akan memperoleh manfaat daripada elektrik bersih untuk memenuhi sasaran pengurangan karbon tanpa membabitkan sebarang modal dan meraih keuntungan daripada penjimatan kos elektrik secara keseluruhan dengan minimum risiko.

Tangani isu tenaga.

Mengulas mengenai MoU berkenaan, Ir Nirinder berkata, kerja-

sama ini sebagai kerja berpasukan dua entiti yang berminat untuk menangani isu pengurusan tenaga.

“Diharapkan, inisiatif ini akan meningkatkan kesedaran untuk keperluan yang lebih besar bagi pengurusan tenaga di Malaysia,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Kedua-dua pihak juga bekerjasama dalam empat bidang lain iaitu Promosi Teknologi Hijau; Negara Pintar; Operasi Ketepatan dan Kecemerlangan Penyelidikan.

LAMPIRAN 34 KOSMO! (DALAM NEGARA): MUKA SURAT 8 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)



AMIR menunjukkan kuantiti susu getah yang ditorehnya berkurang akibat cuaca panas di Kampung Sentok, Pos Hendrop, Gua Musang, Kelantan semalam.

Cuaca panas jejas pendapatan penoreh

GUA MUSANG – Lebih 300 penduduk Orang Asli suku Temiar di Pos Hendrop terjejas pendapatan apabila terpaksa berhenti menoreh getah akibat cuaca panas sejak dua bulan lalu. Mereka terpaksa berehat daripada melakukan kerja menoreh kerana pokok getah mengalami proses daun luruh sehingga menjejaskan pengeluaran susu getah. Seorang penduduk Kampung Sentok, Pos Hendrop, Amir Pandak, 38, berkata, penghasilan susu getah menurun lebih 50 peratus dan pendapatan mereka dijangka terje-

jas teruk dalam tempoh lima bulan. Katanya, susu cepat mengering apabila getah ditoreh berhenti mengeluarkan susu dalam tempoh 30 minit berbanding dua atau tiga jam sebelum ini. "Situasi itu membimbangkan dan memberi tekanan kepada penduduk kampung yang bergantung kepada sumber pendapatan hasil getah. "Jika hari biasa saya dapat memperoleh antara RM700 sehingga RM1,000 sebulan tetapi sekarang mahu dapat RM500 pun susah. Namun kami bersyukur kerana dapat mengumpul getah

beku untuk menyara kehidupan keluarga," katanya ketika ditemui di sini semalam. Jemau Alang, 55, pula berkata, cuaca panas membahang ketika ini sememangnya amat dirasai oleh pekebun dan penoreh getah masyarakat Orang Asli. Katanya, mereka terpaksa berehat daripada menoreh dan membuat pekerjaan lain seperti masuk ke hutan untuk mencari rezeki. "Kami berharap pihak kerajaan dapat memberi bantuan kepada penduduk Orang Asli yang bergantung dengan hasil getah," jelasnya.

Penduduk Putrajaya nampak puting beliung

PUTRAJAYA – Penduduk di Presint 11 di sini menyifatkan ribut kencang hingga beberapa pokok tumbang pada lewat petang kelmarin merupakan bencana kali pertama yang berlaku di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Menurut seorang penduduk Kuarters Kerajaan Presint 11, Tarmizi Taib, 49, dia telah menetap di Putrajaya lebih 15 tahun dan tidak pernah menyaksikan angin

dan ribut yang kuat. "Sewaktu kejadian saya berada di dalam rumah, tiba-tiba angin dan ribut kencang membadai Putrajaya sekaligus menyebabkan pokok tumbang dan menghempap beberapa kereta saya dan penilik lain. "Saya tidak sempat untuk mengalihkan kereta itu ekoran satu dahan besar telah jatuh di atas kereta sehingga bumbung remuk dan cermin pecah," katanya

ketika ditemui pemberita di sini semalam. *Kosmo! Online* kelmarin melaporkan, ribut dan hujan selama 30 minit itu menyebabkan beberapa pokok tumbang di Presint 9 dan Presint 11 kira-kira pukul 6 petang. Sementara itu, seorang lagi penduduk, Azmi Man, 35, memberitahu, dia melihat satu pusaran angin seolah-olah seperti puting beliung membadai seluruh

kawasan Putrajaya sehingga menerbangkan bumbung rumah. Katanya, dia berasa cemas sewaktu menyaksikan beberapa pokok tumbang meskipun tiada sebarang kecederaan atau kehilangan nyawa. "Memang sebelum ini pernah ada ribut di sini, namun kali ini yang paling teruk sehinggalah kami berasa takut untuk keluar pada waktu itu," jelasnya.



KEADAAN kereta penduduk rosak selepas dihempap pokok dalam kejadian ribut kencang di Kuarters Perumahan Kerajaan Presint 11, Putrajaya kelmarin.



SEBATANG pokok tumbang di Kuarters Perumahan Kerajaan Presint 11, Putrajaya yang dilanda ribut kencang kelmarin.



LAMPIRAN 35
NEWS STRAIT TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 56
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

FACTORY SPILLAGE

Raw palm oil spillage hits water village

SANDAKAN: The water village of Kampung Air, Batu Sapi here was inundated with raw palm oil following a spill from a nearby factory on Saturday.

The noon incident saw at least 2.5 metric tonnes of unprocessed palm oil spillage during a transfer process at the factory.

Sandakan Civil Defence Department officer Ahmad Roslan Mohd Kamel said the palm oil spillage spread to the water village.

The company's representatives and villagers worked to manually remove the palm oil from the water surface.

"There was no need to activate the operations centre as the factory took charge to prevent the spillage from spreading further.

"The problem was contained the same evening," he said.

This is understood to be the first such case in the area.



A resident of Kampung Air in Sabah manually removing palm oil from the water surface. PIC COURTESY OF SANDAKAN CIVIL DEFENCE DEPARTMENT

LAMPIRAN 36
BERITA HARIAN (ALAM SEKITAR): MUKA SURAT 8
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

Tompokan masih penuh sungai

Pasir Gudang: Lebih 150 penduduk Kampung Bukit Pulau di sini, yang terjejas akibat pencemaran gas metana Khamis lalu, bimbang dengan keselamatan mereka berikutan tompokan hitam sisa kimia masih memenuhi sungai berhampiran.

Tinjauan BH di kampung itu yang terletak tidak jauh dari kawasan pembuangan sisa kimia secara haram di Sungai Kim Kim, mendapati warna air sungai terbabit kini bertukar hitam serta berbau masam selain hidupan sungai termasuk ikan mati dan terapung.

Penduduk, Nursatria Rabu, 33, yang juga seorang nelayan, mendakwa masih banyak tompokan hitam sisa kimia yang dibuang pihak tidak bertanggungjawab, terapung di kawasan bakau tidak jauh dari penempatan penduduk.

Tompokan hitam pekat

"Semalam (kelmarin), saya dan rakan turun ke laut untuk menangkap ikan namun apabila tiba di kawasan bakau di Sungai Kim Kim, kami ternampak banyak tompokan hitam pekat dengan hidupan sungai terutama bangkai ikan terapung memenu-



[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH]

Keadaan Sungai Kim Kim masih dipenuhi tompokan hitam dipercayai sisa bahan kimia berbahaya.

nuhi permukaan air di situ.

"Kawasan bakau berkenaan tidak jauh dari kampung ini dan sisa kimia itu masih mengeluarkan gas.

"Pada waktu malam, udara berbau busuk itu dapat dihidu seluruh penduduk kampung.

Kami bimbang keselamatan terutama kanak-kanak dan bayi," katanya ketika ditemui di tepi Sungai Kim Kim, di sini, semalam.

Kejadian itu dipercayai berpunca daripada pembuangan bahan kimia oleh pihak yang

belum dikenal pasti, pada jam 2 pagi Khamis.

Sementara itu, seorang lagi penduduk terjejas, Zulkifli Kassim, 50, turut bimbang kerana dua sekolah terbabit berada tidak jauh dari kawasan Sungai Kim Kim.

LAMPIRAN 37 SINAR HARIAN (PENCEMARAN): MUKA SURAT 36 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)



SELAHUDDEN

Empat kakitangan HSI beransur pulih

JOHOR BAHRU - Empat kakitangan Hospital Sultan Ismail (HSI) yang dimasukkan ke hospital selepas memberikan rawatan kepada mangsa pencemaran bahan kimia di Taman Pasir Putih, dilaporkan stabil. Pengarah Kesihatan Johor, Dr Selahuddin Abd Aziz berkata, daripada jumlah tersebut dua doktor dan seorang jururawat telah pun dibenarkan pulang ke rumah.

Bagaimanapun, katanya, seorang pemandu ambulans berusia 44 tahun yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) HSI masih ditempatkan di bawah pengawasan. "Namun, dia sudah sedar dan keadaannya beransur pulih," katanya Sinar Harian.

Terdahulu, pemandu ambulans dikenali Mohd Fariz Anuar itu tidak sedarkan diri dipercayai akibat terhidu bahan kimia semasa mengambil pesakit di sebuah sekolah di Taman Pasir Putih. Sementara itu, Selahuddin berkata, beberapa pesakit yang menerima rawatan sudah dibenarkan pulang sejak semalam.

"Setakat jam 10 pagi tadi (semalam), mangsa yang menerima rawatan di HSI hanya tinggal 26 orang sahaja.

"Buat masa ini semua dalam keadaan baik dan sedang beransur pulih," katanya.



Kerja-kerja pembersihan dua sekolah berjalan lancar

PASIR GUDANG - Kerja-kerja pembersihan dua sekolah yang terjejas akibat pencemaran bahan kimia di Taman Pasir Putih, di sini, dijalankan mengikut panduan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).



WARDA

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Putih, Warda Ismail berkata, pembersihan dilakukan sejak jam 8 pagi semalam turut melibatkan beberapa agensi kerajaan dan persatuan.

"Kerja pembersihan melibatkan 37 bilik darjah dan 10 bilik khas yang mana sebelum memulakannya kita mendapatkan bimbingan bomba untuk memastikan pembersihan dibuat dengan betul.

"Antara yang dilakukan adalah membasuh semua fabrik,

langsir dan menyelenggara pendingin hawa. Kita juga membuka tingkap dan kipas untuk melancarkan laluan pengudaraan dalam kawasan sekolah," katanya kepada Sinar Harian.

Sementara itu, Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pasir Putih, Abd Rashid Ahmad berkata, kerja-kerja pembersihan selama empat jam itu melibatkan 120 sukarelawan termasuk 80 guru sekolah tersebut.

"Kita membersihkan permaidani, langsir, peralatan sekolah, kipas, pendingin hawa dan semua benda yang dipegang murid sebelum ini termasuk tangga kita sapukan dengan antiseptik.

"Pembersihan ini dilakukan bagi membuang sisa kimia dan kotoran yang masih melekat con-



Salah seorang sukarelawan sedang bersihkan fabrik di SMK Pasir Putih.

tohnya di langsir dan permaidani," katanya.

Khamis lalu, SK Pasir Putih dan SMK Pasir Putih ditutup ekoran 35 mangsa terhidu bahan kimia dibuang secara haram di Sungai Kim Kim kira-kira 500

meter dari kedua-dua sekolah itu.

Setakat ini, seramai 79 menerima rawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI) di Johor Bahru dan kedua-dua sekolah tersebut mendapat arahan untuk ditutup empat hari sejak Khamis lalu.

'Masih membimbangkan'

Penduduk dakwa Sungai Kim Kim belum pulih, masih tercemar

SHAFIQ TINO

PASIR GUDANG

Penduduk Kampung Bukit Pulai, Taman Pasir Putih mendakwa keadaan pencemaran di Sungai Kim Kim belum pulih dan berada dalam keadaan yang membimbangkan.

Penduduk, Zulkifly Kassim, 50, berkata, meskipun kerja pembersihan telah dijalankan di lokasi pembuangan sisa kimia itu, ia masih belum mencukupi kerana airnya sentiasa mengalir.

Menurutnya, kawasan sungai yang dilihat masih tercemar teruk itu sukar dimasuki orang awam termasuk pihak berkuasa kerana ia perlu diakses menggunakan laluan air.

Katanya, jarak kawasan



Laluan air sahaja boleh digunakan untuk meninjau keadaan kawasan tercemar.

tercemar itu kira-kira 500 meter hingga 1km dari lokasi pembuangan sisa bahan kimia di bawah jambatan Taman Pasir Putih dan Taman Kota Masa.

"Pada mulanya saya terpacnggil meninjau kawasan sungai yang lebih jauh ke dalam kerana bimbang esok anak saya dan penduduk lain akan mula sekolah, takut ada yang pengsan dan perkara buruk berlaku.

"Kawasan itu tidak boleh dilalui kalau jalan kaki, kalau nak ambil gambar guna dron tidak nampak kerana ada bakau dan ular juga besar-besar," katanya kepada Sinar Harian.

Zulkifly berkata, selepas memasuki menggunakan bot dia mendapati terdapat banyak tumpukan minyak di kawasan tersebut yang mana keadaannya hanya tertumpu di satu kawasan dan ti-

dak mengalir ke laut.

"Tidak mustahil, minyak akan berkumpul dan lagi banyak gas yang mungkin beracun terhasil.

"Kalau mereka dapat lihat, ikan kecil dan besar serta hidupan sungai lain banyak yang mati," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk Nur Satria Rabu, 33, berkata, dia berharap keadaan sungai yang tercemar itu dapat dipulihkan segera memandang-



ZULKIFLY

kan penduduk kampung memertukan udara dan air sungai yang bersih.

Dia yang juga bekerja sebagai nelayan di kawasan itu berkata, sumber rezekinya terjejas teruk sejak beberapa tahun ini kerana keadaan sungai tidak begitu baik.

"Dengan keadaan minyak begini, saya nak turun ke sungai pun bahaya. Bau busuk masih kuat dan ikan banyak mati. Belum capak pasal sampah lagi, memang sungai ini masih tercemar.

"Harap pihak yang membuang sisa bahan kimia ini fikir tentang keadaan penduduk di sini dan bertanggungjawab dengan apa yang dilakukannya," katanya.

LAMPIRAN 38
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 11
 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

Mana SOP bauksit?

Oleh MOHD. SHARIZA
 ABDULLAH

utusan@utusan.com.my

■ KUANTAN 10 MAC

KEMAMPUAN untuk menyambung semula aktiviti perlombongan bauksit di daerah ini dengan berkesan bermula bulan depan seperti diputuskan kerajaan masih menjadi tanda tanya kerana sehingga kini belum ada prosedur operasi standard (SOP) yang jelas mengenainya.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, SOP itu perlu disediakan sebelum sesi pendengaran awam dan libat urus diadakan bagi menambah baik pengurusan perlombongan serta pengeksportan bauksit di negeri ini yang mana hanya tinggal tiga minggu untuk menyelesaikan perkara berkenaan.

Katanya, terdapat empat aspek yang memerlukan SOP lengkap dan berkesan iaitu perlombongan, pengangkutan, pengurusan stok simpanan serta pengeksportan bauksit.

"Sebelum ini, setiap peringkat empat aspek ini tiada SOP jelas dan penguatkuasaan yang ketat. Kali ini kita masih menunggu SOP baharu.

"Kita perlu melihatnya betul-betul dan ada sesi pendengaran awam yang mana warga Kuantan kena datang beri



FUZIAH SALLEH (kiri) memberi sekuntum bunga ros kepada peniaga pasar tani sempena sambutan Hari Wanita Sedunia di Kuantan, Pahang, semalam.

pandangan sebelum sebarang keputusan dibuat berkenaan moratorium bauksit," katanya selepas mengedarkan 3,000 kuntum bunga kepada pengunjung wanita sempena sambutan Hari Wanita Sedunia anjuran bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Pejabat Ahli Parlimen Kuantan di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuantan di sini hari ini.

Pada 18 Februari lalu, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar mengumumkan tempoh moratorium kegiatan perlombongan dan pengeksportan bauksit dari negeri ini yang berakhir pada 31 Mac ini tidak akan dilanjutkan.

Dalam pada itu, Fuziah yang juga Timbalan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri berkata, pihaknya belum memuktamadkan cadangan pembekuan akaun bekas suami yang liat dan gagal membayar nafkah kepada isteri serta anak mereka selepas berpisah.

Beliau berkata, terdapat aspek perundangan yang perlu dilihat dan dikaji dengan lebih teliti sebelum sebarang keputusan dibuat.

"Ini perkara yang sedang kita kaji dan perlu lihat kepada undang-undang yang boleh membantu kita untuk membekukan akaun bekas suami yang ingkar memberi nafkah," katanya.

Sementara itu, berhubung tindakan mencampur aduk perarakan sambutan Hari Wanita dengan agenda lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di Kuala Lumpur semalam, beliau menyifatkan perkara itu tidak seharusnya berlaku.

LAMPIRAN 39
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 9
TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

'Mana SOP tambah baik aktiviti bauksit?'

KUANTAN – Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi menambah baik pengurusan perlombongan serta pengeksporan bauksit di negeri ini perlu dibentangkan sebelum sesi pendengaran awam dan libat urus aktiviti itu diadakan sebelum 31 Mac ini.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, dalam tempoh kira-kira tiga minggu sebelum tempoh moratorium bauksit tamat, SOP jelas mengenainya masih menjadi tanda tanya.

Menurutnya, terdapat empat aspek yang memerlukan SOP lengkap dan berkesan iaitu berhubung perlombongan, pengangkutan, pengurusan stok simpanan serta pengeksporan bauksit.

"Sebelum ini kita dapati setiap aspek itu tiada SOP jelas jadi kita masih menunggu SOP baharu untuk melihat kemampuannya dalam memastikan aktiviti itu dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Kita perlu melihat perkara ini secara lebih teliti sebelum sesi pendengaran



Pengurusan bauksit perlu dibentangkan sebelum sesi pendengaran awam diadakan 31 Mac ini.

awam diadakan untuk memberi peluang kepada orang ramai memberi pandangan dan cadangan sebelum sebarang keputusan dibuat berkenaan moratorium bauksit," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Santuni Wanita sempena sambutan Hari Wanita Sedunia di Pasar Tani Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kuantan di sini semalam.

Program itu anjuran bersama Fama, Lembaga Penduduk Dan Pemba-

ngunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Pejabat Ahli Parlimen.

Dalam perkembangan lain, Fuziah meminta Lynas Corporation Ltd (Lynas) agar tidak memberi alasan sebaliknya memikirkan kaedah bagi menghantar keluar sisa buangnya sebelum September ini.

"Mereka (Lynas) tidak sepatutnya berdolak-dalik dan mengaburi pemahaman masyarakat terhadap isu sebenar membabitkan alam sekitar," katanya.



LAMPIRAN 40 THE STAR (NATION): MUKA SURAT 5 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

Groups want measures taken against single-use plastic usage

PETALING JAYA: Conservation groups are hoping that the results of the survey by the YouGov Omnibus on the use of straws and plastic bags among Malaysians will prompt more proactive measures to counter the problem.

Many are calling for fines, more recycling programmes and even a review on the sale of single-use plastic bags.

Ecotourism and Conservation Society Malaysia co-founder and CEO Andrew Sebastian said Malaysians were still not environmentally conscious – even in this modern age.

“The results of the survey are not shocking at this point of time.

“I hope that the results will prompt local authorities, state governments, agencies and even the federal government to take more proactive steps (to address the issue),” he said yesterday.

Sebastian said proactive measures such as the introduction of stiffer fines, having more recycling programmes and a review on the sale of single-use plastic bags in stores were needed to tackle the matter.

He said the current charge of 20 sen per plastic bag imposed on consumers at outlets and stores should be increased to at least RM1.

“The funds raised from that should go to a bona fide environmental cause.

“If there is the will and consensus to ban smoking in restaurants, we certainly can do better as a civil society to stop the use of single-use plastic bags and straws,” said Sebastian.

Plastic manufacturers and producers, said Sebastian, also needed to quickly invest in better products and materials should they want to continue to thrive in the business community.

Malaysian Nature Society president Prof Dr Ahmad Ismail said more aggressive educational programmes were needed to discourage the public from using straws and plastic bags.

“It is not that easy to change people’s habits and lifestyle.

“When they understand (that their choices can damage the environment), then they will take the necessary actions,” he said.

Prof Ahmad said there should also be alternatives offered to the public, such as businesses.

“Businesses need customers. By not providing straws or bags to the customers, (this may cause) them to lose customers.

“The government needs to solve the problem by helping businesses as well as protecting nature,” he said.

Prof Ahmad also believes that government agencies, non-governmental organisations, corporate and private sectors must all work hard to educate the public.

In a statement, Federal Territories Minister Khalid Abdul Samad said from next Friday (March 15), the 20 sen pollution charge for shopper bags would now include biodegradable bags under the government’s **Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030.**

“Enforcement action will continue towards businesses and traders who still use conventional plastic bags,” he said.

LAMPIRAN 41
 THE STAR (NATION): MUKA SURAT 3
 TARIKH: 11 MAC 2019 (ISNIN)

One killed in lightning strike

Three others injured in incident at football field

PETALING JAYA: A lightning strike on a football field near Setia Murni, Setia Alam, killed a Rohingya player and injured three others.

Heavy rain had forced the afternoon game to stop but a few players were still on the field when tragedy struck.

Nineteen-year-old Rohimullah was killed while three others were rushed to the Tengku Ampuan Rahimah Hospital in Klang for treatment.

North Klang OCPD Asst Comm Nurulhuda Mohd Salleh confirmed the case when contacted.

"One of the players, aged 30 is currently in a coma whereas the injuries of the remaining two players have yet to be ascertained," she said yesterday.

The incident occurred about 25.5km from Subang Jaya, a hotspot for lightning activities in the country.

Subang Jaya sees over 362 lightning cases in a year.

Other lightning-prone areas are Kuala Lumpur International Airport, Johor Baru and Penang.

Malaysia has the third highest lightning activity in the world, according to the US National Lightning Safety Institute.

The number of lightning activities is higher during the inter-monsoon periods in April, May, September and October.

From 2008 to 2017, there were 125 fatalities and 157 injuries due to lightning strikes in Malaysia.

“ One of the players, aged 30 is currently in a coma whereas the injuries of the remaining two players have yet to be ascertained.

ACP Nurulhuda Mohd Salleh ”

Beware of the uncertain weather – it can kill

